

قُلْ بِرَوْحَةٍ

PETIKAN TITAH

"RUMAH-rumah
hendaknya jangan sunyi
dari bacaan-bacaan
Al-Quran serta
sekolah-sekolah dan
pusat-pusat pengajian pula
dikehadaki untuk lebih
menyemarakkan pendidikan
Al-Quran itu".
- Titah Sempena Sambutan
Nuzul Al-Quran
Bagi Tahun 1441H /
2020M.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Waktu Sembahyang

IMSAK
4.41

SUBUH
4.51

SYURUK
6.14

DUHA
6.38

ZUHUR
12.11

ASAR
3.33

MAGHRIB
6.05

ISYAK
7.19

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 65 / BILANGAN 145

2 DISEMBER 2020 / 1442

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

"YA Allah,
hanya Engkau jua
tempat kami
berlindung, maka
lindungilah kami,
dari bahaya COVID-19,
dari serangan dan
jangkitannya. Jika
wabak ini bersebab
dari dosa-dosa manusia,
maka Engkau
ampunkanlah.
Sesungguhnya, hanya
Engkau jua Yang Maha
Berhak untuk
memberikan
pengampunan.
Aamiin Ya Rabbal
Alamiin".

- Titah Perutusan Khas
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Berkenaan Jangkitan Wabak
COVID-19 pada Isnin,
19 Syaaban 1441 Hijrah /
13 April 2020 Masihi di
Istana Nurul Iman.

STATISTIK TERKINI COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 1 Disember 2020, 4.00 petang

JUMLAH KES JANGKITAN

151

JUMLAH KEMATIAN

3

JUMLAH KES YANG SEMBUH

145

www.moh.gov.bn

MINISTRY OF HEALTH,
BRUNEI DARUSSALAM

MOHBRUNEI

TALIAN NASIHAT COVID-19 148

Berkenan utus tahniah sempena Hari Kebangsaan UAE



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Khalifa bin Zayed Al Nahyan, Presiden Emiriyah Arab Bersatu (UAE) dan Pemerintah Abu Dhabi, UAE dan His Highness Sheikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum, Naib Presiden, Perdana Menteri, Pemerintah Dubai dan Menteri Pertahanan, UAE dan kepada kerabat diraja, kerajaan serta rakyat UAE bersempena Hari Kebangsaan UAE.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan

menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Khalifa bin Zayed Al Nahyan, Presiden Emiriyah Arab Bersatu (UAE) dan Pemerintah Abu Dhabi, UAE dan His Highness Sheikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum, Naib Presiden, Perdana Menteri, Pemerintah Dubai dan Menteri

Pertahanan, UAE dan kepada kerabat diraja, kerajaan serta rakyat UAE bersempena Hari Kebangsaan UAE.

Isu belia tidak boleh diabaikan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 November. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) perlu benar-benar peka dan sentiasa menilai program-program yang dirancangnya, terutama program-program pembentukan jati diri bagi belia kerana situasi masa kini sangat merunsingkan dengan para belia mudah terjebak kepada perkara-perkara yang tidak diingini.

Isu dadah, curi dan penyeludupan sering berlaku dilakukan oleh golongan belia, malah ada khabar para belia yang diberikan jolokan sebagai belia masjid pun tidak terkecuali turut terlibat melakukan jenayah, bahkan jenayah yang sangat keji, iaitu memecah tabung masjid.

Perkara tersebut ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke KKBS, pagi tadi.

Ini semua, tegas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, tidak syak lagi adalah cabaran kepada pihak-pihak berkenaan, khasnya KKBS.

Ke muka 3



BRUNEI DARUSSALAM

2021



IKUTI KAMI DI



APLIKASI
MUDAH ALIH

InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

infodept.bn

infodept_bn

Tingkatkan usaha kesedaran, pembudayaan pemanduan berhemah

Bismillaahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

SEGALA puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat serta pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi taat setia hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah ... pada hari ini, 'Hari Memperingati Mangsa-Mangsa Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia 2020', kita sama-sama kembali untuk memperingati mereka yang terkorban dan cedera dalam lalu lintas jalan raya dengan memberikan sokongan dan melahirkan rasa simpati kepada ahli keluarga yang terlibat. Juga, memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai pentingnya keselamatan di jalan raya.

Menurut 'Global Status Report on Road Safety 2018' yang dikeluarkan oleh World Health Organisation, jumlah tahunan kematian lalu lintas jalan raya telah mencapai 1.35 juta orang. Kecederaan jalan raya kini menjadi pembunuhan utama bagi mereka yang berusia 5 hingga 29 tahun. Beban tersebut ditanggung secara tidak proporsional oleh pejalan kaki, penunggang basikal dan motosikal, khususnya di negara-negara membangun. Oleh itu, penguatkuasaan lalu lintas yang lebih komprehensif adalah sangat perlu untuk memenuhi sasaran global masa depan demi menyelamatkan nyawa.

Walaupun pencapaian yang ketara belum dapat dilihat, namun banyak inisiatif telah pun dilaksanakan oleh negara-negara Ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Baru-baru ini, PBB telah melancarkan 'Second Decade of Action for Road Safety 2021 - 2030'. Ini seiring dengan United Nations Sustainable Development Goals 2030 yang menggariskan sasaran untuk mengurangkan separuh kadar kematian dan kecederaan global serta menyediakan akses kepada sistem pengangkutan awam yang selamat menjelang 2030.

Alhamdulillah ... di Negara Brunei Darussalam, Statistik Menyeluruh Kemalangan Jalan Raya 2011 - 2019 menunjukkan trend yang menurun daripada 3,598 kes kepada 1,196 kes. Begitu juga dengan kes kematian menurun dari 47 kes kepada 13 kes. Pencapaian ini adalah sangat menggalakkan dan perlu untuk dipertingkatkan lagi di masa akan datang.

Oleh itu, kita tidak boleh *complacent* (leka) dan perlu untuk terus meningkatkan lagi usaha-usaha kesedaran dan pembudayaan pemanduan berhemah bagi kesemua pengguna jalan raya. Masyarakat juga perlu memberikan kerjasama kepada pihak-pihak yang berwajib, terutamanya polis trafik, dengan mematuhi peraturan jalan raya dan menggunakan dengan berdisiplin dan selamat.

Sebelum memulakan perjalanan, jangan



SABDA Khas Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri selaku Penaung Diraja Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya pada Majlis Hari Memperingati Mangsa-Mangsa Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia Tahun 2020 pada 28 November 2020 Masihi melalui tayangan video yang berlangsung di Dewan Amar Pahlawan, Bangunan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

lupa berdoa dan bertawakal ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana kemalangan itu bukan sesuatu yang dirancang. Walau apa pun penyebabnya, perkataan 'kemalangan' membawa konotasi negatif yang nyata - namun perkara ini turut mempersiapkan kita untuk bersedia. *InsyaAllah KEMALANGAN ITU BOLEH DICEGAH.*

Pada tahun ini, 'Brunei Darussalam Blueprint Decade of Action for Road Safety 2011 - 2020' akan tamat. Saya difahamkan, ianya akan digantikan dengan satu dokumen baharu iaitu 'The Brunei Darussalam Road Safety Strategic Plan 2025' untuk memperkuuhkan

kesinambungan komitmen dalam menangani isu keselamatan jalan raya. Syabas dan setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) di atas usaha gigih mereka yang berterusan.

Pelan Strategik ini mempunyai 'Action Plan' tersendiri yang mengandungi program-program yang komprehensif untuk tempoh lima tahun akan datang. Ianya juga akan terus disejajarkan dengan 'UN Decade of Action for Road Safety 2021 - 2030' untuk sama-sama mencapai matlamat keselamatan di jalan raya dalam semangat sejagat yang terarah dan teratur.

Dengan adanya Pelan Strategik ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui MKKJR dengan kerjasama kumpulan-kumpulan tindakan yang dibentuk dengan keahlian dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta akan dapat mengerahkan sumber dan melaksanakan inisiatif yang lebih fokus dan gigih seterusnya memberikan sokongan padu ke arah mencapai Visi Sifar Kemalangan Jalan Raya.

Saya sangat gembira dengan pendekatan 'Whole of Nation' ini sebagai langkah yang bijak bagi mendekatkan isu keselamatan jalan raya kepada masyarakat.

Selaras dengan era teknologi digital, penubuhan Laman Sesawang MKKJR sejak tahun 2019 juga adalah tepat pada waktunya. Selain daripada berbagai inisiatif fizikal yang telah dirancang ke arah keselamatan jalan raya, pembarigan dan penyelarasannya bagi menangani aspek pendidikan, perundungan dan teknikal melalui media-media sosial merupakan sumber yang sangat efektif, lebih-lebih lagi di saat dunia masa kini yang dilanda pandemik COVID-19.

Di kesempatan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada MKKJR dan semua agensi-agensi yang terlibat serta sokongan masyarakat amnya atas usaha bersepudu mereka untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di negara ini. Adalah tanggungjawab kita bersama untuk menjadikan jalan raya kita lebih selamat. Mudah-mudahan usaha yang dijalankan ini mendapat keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

"Oleh itu, kita tidak boleh 'complacent' (leka) dan perlu untuk terus meningkatkan lagi usaha-usaha kesedaran dan pembudayaan pemanduan berhemah bagi kesemua pengguna jalan raya. Masyarakat juga perlu memberikan kerjasama kepada pihak-pihak yang berwajib, terutamanya polis trafik, dengan mematuhi peraturan jalan raya dan menggunakan dengan berdisiplin dan selamat".

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN		
31 °C	32 °C	32 °C
24 °C	25 °C	25 °C
PEKAN BANGAR		
31 °C	32 °C	32 °C
24 °C	25 °C	25 °C
PEKAN TUTONG		
31 °C	32 °C	32 °C
24 °C	25 °C	25 °C
KUALA BELAIT		
31 °C	32 °C	32 °C
24 °C	25 °C	25 °C

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."

Masihi DISEMBER	HARI	Hijrah RABIULAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
2	RABU	16	4.41	4.51	6.14	6.38	12.11	3.33	6.05	7.19
3	KHAMIS	17	4.42	4.52	6.14	6.38	12.11	3.33	6.06	7.20
4	JUMAAT	18	4.42	4.52	6.15	6.39	12.12	3.33	6.06	7.20
5	SABTU	19	4.42	4.52	6.15	6.39	12.12	3.34	6.06	7.21
6	AHAD	20	4.43	4.53	6.16	6.40	12.12	3.34	6.07	7.21
7	ISNIN	21	4.43	4.53	6.16	6.40	12.13	3.35	6.07	7.22
8	SELASA	22	4.44	4.54	6.17	6.41	12.13	3.35	6.08	7.22

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN

AMBULANS | POLIS | BOMBA | PENYELAMAT

991 | 993 | 995 | 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

123

NDMC
2380214

Dari Sidang Pengarang.

2 DISEMBER 2020 BERSAMAAN 1442

BERSIAP SEDIA MENGHADAPI MUSIM TENGUJUH

MEMASUKI bulan Disember menandakan bermulanya musim tengkujuh di negara ini. Keadaan cuaca yang tidak menentu diiringi dengan banjir kilat sudah tentu menjadi situasi yang membimbangkan semua pihak di negara ini.

Kita tidak mampu mengelakkan daripada situasi ini, namun begitu orang ramai diingatkan agar mengambil langkah awal untuk tambah baik persediaan banjir setiap tahun.

Untuk persediaan awal, orang ramai perlulah mendapatkan maklumat tentang banjir di tempat masing-masing. Orang ramai perlu sentiasa peka dan mengikuti perkembangan keadaan cuaca negara melalui maklumat-maklumat yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajiciaca Brunei Darussalam.

Di samping itu, orang ramai juga perlu memastikan keselamatan sekeliling rumah dengan memeriksa longkang atau saluran najis. Bersihkan halangan dan pastikan ia tertutup rapat supaya air banjir tidak masuk melaluiinya.

Sediakan juga peralatan kecemasan dan bekalan makanan secukupnya dan pastikan seluruh keluarga awda mengetahui cara-cara bertindak semasa kecemasan di rumah.

Ketika mendapat tanda-tanda awal banjir, orang ramai perlu mengikuti perkembangan terkini melalui pengumuman menerusi radio, televisyen atau media sosial rasmi jabatan. Pindahkan perabot atau peralatan-peralatan lain ke tempat yang selamat. Letakkan dokumen penting di tempat yang selamat atau bawa bersama dalam bekas kalis air. Bersedia untuk menutup suis elektrik, injap utama bekalan air dan gas. Orang ramai juga dinasihatkan untuk memaklumkan kepada jiran masing-masing jika awda terpaksa mengosongkan rumah dan bersedia untuk berpindah.

Apabila menerima arahan, segeralah berpindah ke pusat-pusat pemindahan yang disediakan atau tempat yang lebih selamat. Berpindah awal sebelum banjir meningkat atau pada waktu siang kerana ia lebih mudah dan selamat.

Ketika di dalam kenderaan, jangan terus mengharungi kawasan banjir, hendaklah berpatah balik ke tempat yang selamat. Jika kenderaan terhenti, kunci kenderaan serta tinggalkan kenderaan tersebut dan pergilah ke tempat yang selamat.

Jika awda berada di luar rumah, pastikan awda berada di tempat tinggi dan selamat. Elakkan dari melalui kawasan banjir atau arus deras yang membahayakan.

Orang ramai diingatkan untuk secara sengaja 'bersiar-siar' di kawasan banjir sama ada dengan perahu mahupun berjalan kaki. Elakkan daripada menyentuh mana-mana kabel atau wayar yang jatuh. Awasi kanak-kanak, jangan biarkan mereka bermain-main di longkang, sungai atau kawasan banjir.

Bersama kita mengambil langkah awal dalam menghadapi musim tengkujuh ini.

- Ketua Penyuntingan (Ad)

Perutusan tahniah kepada Republik Demokratik Rakyat Lao



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Bounnhang Vorachith dan Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Dr. Thongloun Sisoulith serta kerajaan dan rakyat Republik Demokratik Rakyat Lao sempena dengan Hari Kebangsaan negara tersebut yang Ke-45.

kepada Presiden Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Bounnhang Vorachith dan Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Dr. Thongloun Sisoulith serta kerajaan dan rakyat Republik Demokratik Rakyat Lao sempena dengan Hari Kebangsaan negara tersebut yang Ke-45.

Isu belia tidak boleh diabaikan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

Dari muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menekankan, isu belia tidak boleh diabaikan, projek pembentukan jati diri belia perlulah jelas, apa ia yang sebenarnya, sudut apakah yang diutamakan dan berupa apa.

"Jika cuma berupa riadah atau berbentuk hiburan semata-mata, maka pada hemat beta, itu belumlah memadai untuk membina jati diri yang hebat. Di samping membina jati diri, langkah untuk menangani gejala sosial juga turut perlu dirancang. Jadi dalam hal ini, adakah KKBS sudah menyediakan rancangannya?" soal Kebawah

DYMM.
Terdahulu, baginda bertitah, KKBS bertanggungjawab dalam hal ehwal budaya, belia dan sukan serta secara khusus menangani pembangunan masyarakat.

Bidang tanggungjawab kementerian itu, jelas baginda, memanglah luas, kerana itu ia diperuntukkan satu peruntukan yang hampir mencapai BND94 juta bagi Tahun Kewangan 2019-2020 dengan peningkatan sebanyak 22.8 peratus dari tahun sebelumnya.



Teliti kebijakan anak-anak istimewa, OKU

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien

"JAWAPAN mesti dicari, mengapakah berlaku yang sedemikian itu? Adakah kursus-kursus yang ditawarkan belum mencapai tahap yang diperlukan atau ada sebab-sebab lain seperti tenaga pembimbing kurang berkemahiran? Atau persekitaran pusat latihan sendiri tidak menjanjikan suasana yang bersesuaian seperti sebuah sekolah biasa berbanding pusat ini mempunyai kawasan yang sentiasa tertutup dengan dilengkapi pagar seolah-olah pusat tahanan layaknya".

Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengenai langkah-langkah yang sedia ada diambil oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS)

ialah seperti mentadbir Pusat Bahagia Pulaie, yang bertanggungjawab bagi kepentingan anak-anak istimewa dan orang-orang kelainan upaya (OKU).

Sebilangan daripada penuntut-penuntut yang diantar ke pusat tersebut adalah untuk mengikuti kursus-kursus kemahiran selaku pemungkin bagi mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian.

Namun apa yang diketahui, mereka itu tidak menjadi pilihan kepada pihak-pihak majikan, sama ada di kerajaan maupun swasta.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah ketika berangkat mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Negara Brunei Darussalam bertitah mengenai perkara tersebut semasa berkenan mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual Ke KKBS, pagi tadi.

Perkara tersebut, tegas Kebawah Duli Yang Maha Mulia, patut mendapat perhatian serius dari KKBS dan mempersoalkan adakah faktor-faktor seperti itu pernah diteliti atau ditinjau oleh pihak kementerian.

"Jawapan mesti dicari, mengapakah berlaku yang sedemikian itu? Adakah kursus-kursus yang ditawarkan belum mencapai tahap yang diperlukan atau ada sebab-sebab lain seperti

tenaga pembimbing kurang berkemahiran? Atau persekitaran pusat latihan sendiri tidak menjanjikan suasana yang bersesuaian seperti sebuah sekolah biasa berbanding pusat ini mempunyai kawasan yang sentiasa tertutup dengan dilengkapi pagar seolah-olah pusat tahanan layaknya," tegas Kebawah DYMM.

Selain itu, baginda juga ingin mengetahui adakah para sukarelawan yang terlibat menangani wabak Coronavirus telah menjalankan tugas mereka dengan sempurna dengan tidak mengabaikan juga kebijakan mereka untuk menerima elauan selaku sukarelawan.

Prasarana milik KKBS perlu diurus

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 November. - Di bidang kesukanan, barangkali yang mustahak ditimbangkan ialah mengenai persediaan negara menghadapi sukan-sukan bertaraf serantau dan antarabangsa seperti Sukan Asia Tenggara - Sukan SEA.

"Adakah para atlet kita sudah dilengkapi dengan latihan-latihan padu atau pihak kementerian masih sahaja melakukan pemilihan sedang masa sudah pun suntuk," soal Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Selain itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menekankan prasarana milik kementerian seperti bangunan-bangunan dan kompleks sukan juga perlu diurus sebagai keperluan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menimbulkan persoalan mengenai pengubahsuaian dan pemberian ke atas bangunan muzium di Kota Batu.

"Beta difahamkan pemberian ini telah pun berjalan sekian lama tetapi belum juga siap-siapnya. Pada masa



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah semasa mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

awal-awal dahulu, bangunan muzium di Kota Batu adalah berkeadaan sangat menarik sehingga diminati oleh pengunjung-pengunjung luar dan dalam. Tetapi keadaan ini berubah dengan kedatangan era baru dan barisan para pentadbir yang mengambil alih pentadbiran," titah Kebawah DYMM.

Baginda juga menekankan, sepatutnya dengan kehadiran era

baru dan pengurusan baharu akan menambah baik lagi keadaan, tetapi apa yang berlaku bangunan muzium untuk sekian lamanya hingga sekarang masih sahaja ditutup.

Oleh yang demikian, baginda menyarankan supaya perkara itu dikaji mengapa keadaan tersebut begitu merosot dan hendaklah dicari jalan mengatasinya.

"BETA difahamkan pemberian ini telah pun berjalan sekian lama tetapi belum juga siap-siapnya. Pada masa awal-awal dahulu, bangunan muzium di Kota Batu adalah berkeadaan sangat menarik sehingga diminati oleh pengunjung-pengunjung luar dan dalam. Tetapi keadaan ini berubah dengan kedatangan era baru dan barisan para pentadbir yang mengambil alih pentadbiran".

Rancangan sesuaikan dengan tamadun, peradaban

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 November. - Salah satu peranan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) yang menyangkut hal ehwal tamadun dan peradaban adalah dimainkan oleh Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jabatan ini bertanggungjawab untuk memaju dan mengembangkan bahasa, khasnya bahasa rasmi negara dan dalam makna, ia menjadi jentera kepada pembangunan tamadun bangsa.

"Maka dalam hubungan ini, beta belum lagi melihat satu usaha besar ke arah itu, bahkan usaha yang dianggap rutin pun seperti Kempen Bulan Bahasa, kalaupun ada, ia cuma seperti ala kadar sahaja," demikian titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa

berkenan mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke KKBS.

Terdahulu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengambil maklum KKBS memang mempunyai banyak rancangan, di antara rancangan tersebut ialah menghidupkan Pusat Belia Bandar Seri Begawan.

Bagi menjayakan rancangan itu, titah Kebawah Duli Yang

Maha Mulia, kementerian tersebut menyerahkan tugas dan tanggungjawab kepada kumpulan para belia dengan peruntukan kewangan disediakan oleh pihak kementerian.

Kebawah DYMM menambah, rancangan telah pun berjalan sebelum berlakunya musibah COVID-19 dengan acara pada setiap malam minggu, seperti jalan raya di hadapan Pusat Belia ditutup bagi memberikan laluan kepada aktiviti-aktiviti di tempat

berkenaan, iaitu untuk para usahawan belia mengadakan acara-acara perniagaan, termasuk hiburan liveband, busking dan acara keugamaan pada bulan-bulan tertentu keugamaan.

Hostel Pusat Belia juga, titah baginda, digunakan sebagai penginapan berbayar.

Oleh yang demikian, baginda mengingatkan ia tidak wajar untuk dilepas begitu saja mengikut kesukaan sendiri-sendiri, fikirkan juga kesesuaian dari semua aspek, terutama aspek budaya, bangsa dan ugama.

"Apabila melihat kepada definisi ini, maka nyata bahawa itu bukan merujuk kepada hiburan dan keseronokan sahaja, tetapi ia adalah tamadun dan peradaban yang sifatnya sungguh luas dan besar.

"Oleh itu, beta mengharap supaya KKBS hendaknya memahami perkara ini," tegas baginda lagi.



ANTARA pegawai dan kakitangan KKBS yang hadir (kiri sekali dan kiri).

KKBS tumpuan Keberangkatan Tidak Berjadual



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) (kiri dan atas).



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 November. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) kali ini menjadi tumpuan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam siri

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika meninjau lebih dekat salah satu bahagian di KKBS.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima sembah penerangan (kiri), manakala gambar atas, baginda berkenan mengadakan lawatan di salah satu bahagian di kementerian berkenaan.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

Keberangkatan Tidak Berjadual baginda, pagi tadi.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Bangunan KKBS dijunjung oleh Setiausaha Tetap KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan dan Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, KKBS, Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus. Turut hadir, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejah Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Sejurus keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di kementerian berkenaan,

baginda mula-mula berkenan meninjau secara lebih dekat ke Bahagian Pencen-pencen di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) di Aras 1.

Bahagian ini menguruskan pelbagai penceن, antaranya Pencen Umur Tua, Pencen Hilang Upaya, Pencen Orang Buta, Elaun Bercelaru Mental, Elaun Pesakit Hansen (Kusta) dan juga Elaun Kurang Upaya.

Bahagian tersebut turut menguruskan para penerima yang didapati membuat kenyataan - kenyataan palsu atau menyembunyikan keterangan-keterangan mustahak kerana tujuan-tujuan untuk melanjutkan pembayaran kerana ia adalah salah dari segi Akta Pencen Umur Tua dan Hilang Upaya di bawah Bab 17 dan jika disabit kesalahannya, boleh dipenjara selama enam bulan atau denda BND5,000 atau kedua-duanya sekali.

Ke muka 6



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke KKBS (kiri dan atas).

Dari muka 5

Kebawah DYMM kemudian berkenan menuju ke Aras 2 yang merangkumi beberapa bahagian dan unit, termasuk Bahagian Bantuan Kebajikan Am;

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan (JAPEM); Unit Perhubungan Awam dan Aduan; Unit Sumber Tenaga Manusia; Unit Pemeliharaan Aset dan Sistem Kebajikan Negara (SKN).

Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) adalah bantuan kewangan yang dihulurkan bagi membantu meringankan beban individu atau keluarga yang berkehidupan susah dan BKB dihulurkan dalam tempoh yang ditetapkan oleh

Ahli Jawatankuasa Permohonan BKB dan hanya bersifat sementara.

Sementara SKN merupakan satu sistem baharu yang dibangunkan bersama oleh KKBS dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama Kementerian Pendidikan; Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB); Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU); dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) yang dihasrat akan dapat menjadi platform bagi memudahkan masyarakat

yang benar-benar memerlukan bantuan membuat permohonan bagi skim-skim bantuan kebajikan yang sedia ada menerusi dalam talian (*online*).

Selain itu, sistem tersebut antara lain bertujuan untuk menyejajarkan proses pemberian bantuan-bantuan yang dikendalikan oleh agensi-agensi tertentu. Di samping memudahkan tatacara permohonan, sistem ini juga dihasrat untuk meningkatkan lagi kerjasama dan perkongsian maklumat di antara agensi-agensi yang terlibat melalui sebuah Pusat Pengkalaman Data (*centralized database*) bagi memastikan tidak berlakunya ketirisan dan keciciran dalam kalangan rakyat dan penduduk yang layak untuk dibantu.

Baginda selepas itu berkenan berangkat ke Aras 3 yang meliputi Pejabat Pengarah dan Timbalan Pengarah (JAPEM), Bahagian Keluarga, Kanak-Kanak dan Wanita (JAPEM), Bahagian Belia (Jabatan Belia dan Sukan - JBS) dan juga Bilik Mesyuarat Attaqwa.

Ke muka 7



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berbual mesra semasa lawatan tersebut (kiri).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan bergambar ramai bersama para pegawai dan kakitangan KKBS (bawah kiri), manakala gambar bawah kanan, baginda berkenan menandatangani lembaran kenangan yang disembahkan oleh salah seorang kakitangan KKBS.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual di KKBS (kiri dan kanan).

Dari muka 6

JAPEM juga berperanan sebagai pendaftar pusat penjagaan kanak-kanak di seluruh negara dan terkandung dalam Penguatkuasaan Akta Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (Penggal 218). Sementara Pusat Penjagaan Kanak-Kanak berperanan sebagai alternatif kepada para ibu bapa untuk menjaga anak-anak daripada mereka, terutama semasa waktu bekerja.

Sementara di Aras 4 pula, baginda kemudiannya berkenan

melihat secara lebih dekat mengenai fungsi beberapa bahagian, termasuk Pejabat Pengarah dan Timbalan Pengarah JBS.

Berperanan untuk membentuk belia agar bertanggungjawab kepada agama, raja, bangsa dan negara melalui program-program kebeliaan dan kesukanan, di samping menyediakan dan melaksanakan program latihan kepimpinan belia dan kemajuan sukan yang berdasarkan matlamat dasar-dasar belia dan sukan negara.

Baginda seterusnya berkenan

berangkat ke Aras 5 yang meliputi Pejabat Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan), Bahagian Pembangunan Belia dan Sukan, KKBS, Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, KKBS, Bahagian Penyelidikan, Perkembangan dan Hal Ehwal Antarabangsa, KKBS dan Bahagian

Perkhidmatan Sosial, KKBS serta Unit Teknologi Maklumat, termasuk Bilik-bilik Mesyuarat As-Syura dan Al-Ikhlas.

Bahagian Penyelidikan, Perkembangan dan Hal Ehwal Antarabangsa bertanggungjawab dalam menyelaras kedudukan negara bagi hubungan kerjasama dan

komitmen sektor-sektor di bawah KKBS dalam mendukung matlamat Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dengan negara-negara luar dan pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa.

Ke muka 8



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mendengarkan perkongsian permasalahan daripada salah seorang pengunjung yang berurusan di KKBS (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, baginda berkenan meninjau salah satu bahagian di KKBS. Sementara gambar bawah kiri dan bawah kanan, baginda berkenan menerima sembah penerangan.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mencuba kuih yang dibuat oleh pelatih Pusat Bahagia Kampung Pulaie (atas). Manakala gambar kanan, baginda berkenan menyaksikan salah sebuah lukisan yang dipamerkan.

Dari muka 7

Sementara fungsi dan bidang tugas utama Bahagian Kebudayaan dan Kesenian adalah bertanggungjawab untuk memperkembang dan meninggikan nilai kebudayaan

Brunei secara keseluruhannya. Ia dihasrat untuk bertindak sebagai jentera penggali segenap akar umbi dan sumber kebudayaan Brunei dan juga selaku media atau agensi pengembang kebudayaan tersebut, di samping

menjamin pelaksanaan prinsip asasnya, iaitu konsep Melayu Islam Beraja.

Baginda juga berkenan berangkat ke Aras 7, iaitu Pejabat-pejabat Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap



dan selanjutnya baginda berkenan melawat ke Pejabat-pejabat Menteri dan Timbalan Menteri di Aras 8.

Sebelum baginda berkenan mengurniakan titah di Dewan Digadong, baginda juga sempat

meninjau ke Aras Bawah 1, iaitu termasuk Unit Pengurusan Estet (UPE), Perpustakaan, Unit Perhubungan Awam, Dewan Citra Budaya dan lainnya.

Ke muka 9



SEKITAR keberangkatan baginda ke Pusat Bahagia Kampung Pulaie yang menyediakan program bimbingan dan asas latihan kemahiran (kiri, atas, bawah kiri dan bawah).





KEBAWAH DYMM berkenan bergambar ramai ketika berangkat ke Pusat Bahagia Kampung Pulaie.

Dari muka 8

Baginda kemudiannya berkenan meneruskan Keberangkatan Tidak Berjadual baginda ke Pusat Bahagia Kampung Pulaie yang menyediakan program bimbingan dan asas latihan kemahiran bagi lima kategori OKU (OKU Intelek,

Penglihatan, Pendengaran, Anggota dan Berganda).

Sejurus keberangkatan baginda itu, baginda juga berkenan meninjau ke Pusat Pekerjaan Orang Kelainan Upaya bagi 18 tahun ke atas.

Baginda juga berkenan berkesempatan merasa biskut yang dihasilkan oleh para

pelajar, di samping menyaksikan kemahiran para pelajar pusat berkenaan.

Selepas itu, baginda berkenan berangkat ke Kelas Bimbingan Asas bagi mereka yang berumur di antara 7 hingga 17 tahun, termasuk Kelas Komunikasi, Kelas Kreatif dan Lukisan serta bilik Pentadbiran pusat

berkenaan.

Sebelum mengakhiri Keberangkatan Tidak Berjadual Ke KKBS, baginda juga berkenan meninjau program inkubasi Pusat Pembangunan Belia (PPB) di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, iaitu Barberku, Koperasi Pusat Pembangunan Belia (KOPPB)

Berhad, Kedai Jahit serta Gentleman Stitch.

Program Inkubasi PPB merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui KKBS yang berterusan dalam memberikan peluang kepada para belia menggunakan kemahiran yang mereka pelajari.



BAGINDA berkenan meninjau Program Inkubasi Pusat Pembangunan Belia di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, iaitu Barberku, Koperasi Pusat Pembangunan Belia (KOPPB) Berhad, Kedai Jahit serta Gentleman Stitch (atas sekali, atas, atas kanan dan kanan).

Kebawah DYMM Raja Isteri berkenan menerima mengadap



Oleh : Nur Amalia Alisha Daud
Foto : Mohammad Hatral
Hazmi Awang Abdul Hamid

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap perpisahan Yang Mulia Puan Jesuina Romana Doutel Sarmento, isteri Duta Besar Istremewa dan Mutlak Republik Demokratik Timor-Leste ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Marcal Avelino Ximenes.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah

Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap perpisahan Yang Mulia Puan

Jesuina Romana Doutel Sarmento, isteri Duta Besar Istremewa dan Mutlak Republik Demokratik Timor-Leste ke Negara Brunei

Darussalam, Tuan Yang Terutama Marcal Avelino Ximenes.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima pesambahan daripada Yang Mulia Puan Jesuina Romana Doutel Sarmento (kiri). Manakala gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan merakamkan gambar kenangan bersama Yang Mulia Puan Jesuina Romana Doutel Sarmento.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (kiri) dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (kanan) semasa ditemu bual.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANGAR, Selasa, 1 Disember. - Berikutan dengan keadaan cuaca yang tidak menentu dan hujan lebat pada 27 November lalu yang mengakibatkan beberapa kawasan di Mukim Batu Apoi iaitu Kampung Simbatang dan Kampung Lemaling, Jalan Selapon mengalami kejadian tanah susur dan pokok tumbang, satu lawatan kerja daripada rombongan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah diadakan di tempat-tempat terlibat bagi meninjau keadaan semasa di sana.

Rombongan tersebut disertai oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejah Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa ditemui menyatakan bahawa lawatan kerja tersebut bertujuan bagi meninjau kawasan-kawasan yang dilanda banjir kilat

khususnya di Kampung Temada dan Mukim Batu Apoi.

Rombongan KHEDN turut mendapati semasa kejadian tersebut air sungai telah melimpah dan menutupi jalan-jalan raya di kawasan tersebut sejauh 150 meter dan di Sungai Kenangan sejauh 250m dan telah surut semula menjelang Ahad lepas.

Manakala menurut Yang Berhormat, lawatan tersebut turut meninjau beberapa kawasan yang mengalami tanah susur dan kejadian pokok tumbang di sekitar Kampung Selapon dan dengan kerjasama daripada agensi-agensi kerajaan termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Kementerian Pembangunan serta kerja-kerja pembersihan telah dilaksanakan dan sedang berjalan di beberapa kawasan.

Dalam masa yang sama, Yang Berhormat turut merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) di atas bantuan yang dihulurkan bagi membawa seorang ibu yang sarat mengandung ke Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam semasa berlakunya kejadian tanah susur baru-baru yang mengakibatkan

Tinjau kawasan banjir kilat, pokok tumbang, tanah susur



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa mengadakan lawatan kerja tersebut.

jalan raya tidak dapat dilalui.

Yang Berhormat seterusnya menyeru agar penduduk setempat agar sentiasa memberikan kerjasama dan terus berhati-hati semasa melalui kawasan-kawasan tanah susur semasa berlakunya hujan dan beliau juga tidak lupa merakamkan penghargaan kepada agensi-agensi kerajaan dalam sama-sama memberikan bantuan semasa kejadian tersebut berlaku.

Sementara itu, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa ditemui menyatakan pihaknya melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) menyalurkan catuan asas makanan kepada penduduk yang terlibat di kawasan Kampung Lemaling sebanyak 72 keluarga di samping bantuan berupa pampers dan susu juga turut disalurkan bagi kegunaan anak-anak damit. Menurut Yang Berhormat lagi, catuan makanan asas ini akan berjalan selama tujuh hari.

Hadir sama pada lawatan kerja tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu selaku Penghulu Mukim Bokok;

Setiausaha - setiausaha Tetap KHEDN; Timbalan Setiausaha Tetap KKBS; Pemangku Pegawai Daerah Temburong dan pegawai-pegawai dari agensi - agensi kerajaan.



POKOK yang tumbang di Kampung Selapon yang telah dipindahkan dari menutupi kawasan jalan laluan.

Waspada, peka sebarang unsur pengganasan



YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua mengetuai delegasi Negara Jawatankuasa Keselamatan Negara menghadiri Mesyuarat Sub-Serantau Menentang Pengganasan dan Sekuriti Rentas Sempadan Ke-3 diadakan secara maya pada 1 Disember 2020.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Disember. - Mesyuarat Sub-Serantau Menentang Pengganasan dan Sekuriti Rentas Sempadan Ke-3 telah diadakan secara maya pada 1 Disember 2020. Mesyuarat dihoskan bersama oleh Menteri Koordinator Politik, Hukum dan Hal Ehwal Keselamatan Republik Indonesia,

Tuan Yang Terutama Mohammad Mahfud MD dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Australia, Yang Berhormat Peter Dutton MP.

Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejah Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin

Haji Mohd. Yussof mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) selaku Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negara menghadiri mesyuarat tersebut.

Mesyuarat turut disertai oleh para menteri dan ketua delegasi dari Malaysia, Myanmar, New Zealand, Filipina, Singapura dan

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri

Thailand.

Isu-isu utama yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut ialah mengenai 'Impak COVID-19 Terhadap Usaha Menangani Aktiviti Pengganasan dan Sekuriti Rentas Sempadan' dan 'Persediaan Negara-Negara Serantau Dalam Menangani Pejuang Pengganas Antarabangsa (Foreign Terrorist Fighters - FTF)'.

Yang Berhormat Menteri Pertahanan Kedua menekankan bahawa NBD sentiasa terus berwaspada dan peka terhadap sebarang unsur pengganasan walaupun dalam situasi negara berusaha untuk membanteras ancaman berterusan pandemik COVID-19.

Insiden serangan di beberapa buah negara baru-baru ini memberikan indikasi bahawa pengganas secara perseorangan mahupun berkumpulan terus mengambil kesempatan ke atas situasi krisis global untuk menyebarkan propaganda, merekrut anggota baharu dan merancang serangan.

Agenzia-agensi penguatkuasaan undang-undang khususnya di negara-negara yang terjejas perlu terus berwaspada dan lebih fokus dalam menangani ancaman

pengganasan di samping membendung pandemik COVID-19.

NBD juga akan terus bekerjasama rapat dan menjaga rangkaian hubungan bersama negara-negara serantau dan antarabangsa serta terus komited untuk memerangi pengganasan. NBD turut menghargai kerjasama erat yang dijalankan dengan negara lain dalam sama-sama memastikan ancaman pengganasan di tahap rendah.

NBD selaku Pengurus ASEAN 2021 penuh komited dalam mengukuhkan usaha-usaha mengekalkan keamanan, keselamatan dan kestabilan serantau malahan juga secara global.

Turut mewakili NBD ke mesyuarat secara maya itu di Bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM) ialah Setiausaha Tetap (Keselamatan, Penguatkuasaan dan Undang-Undang) JPM, Lettenan Kolonel (B) Pengiran Haji Muhamad Sazali bin Pengiran Haji Yakob dan pegawai-pegawai kanan dari JPM.

Ke muka 13

COVID-19 : 1 kes baharu disahkan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Selasa, 1 Disember. - Satu kes baharu jangkitan COVID-19 disahkan di negara ini, yang menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini meningkat kepada 151 orang.

Perkara tersebut dimaklumkan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang diadakan petang tadi di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Menurut Yang Berhormat, Kes 151 ialah seorang perempuan, berumur 26 tahun, yang tiba ke NBD dari Nepal melalui Kuala

Lumpur pada 20 November 2020 dengan menaiki Penerbangan Diraja Brunei BI874.

"Beliau tidak mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan dan pada masa ini, berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan bagi pemantauan dan rawatan. Pengesanan kontak (*contact tracing*) telah mengenal pasti dua orang kontak terdekat yang mana ujian awal menunjukkan kesemua kontak kes ini adalah negatif bagi COVID-19," jelas Yang Berhormat.

Dengan pengesanan kes ini tambah Yang Berhormat, terdapat tiga kes aktif sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan, manakala jumlah kes yang telah disahkan sembah ialah sebanyak

145 orang.

Yang Berhormat menegaskan, setakat ini sebanyak 10 kes import disahkan sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan pada 6 Mei 2020, di mana dengan ini, NBD mencatatkan 209 hari tanpa kes jangkitan tempatan COVID-19.

Pada hari ini, seramai 484 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang telah ditetapkan oleh kerajaan, iaitu mereka yang baru tiba ke negara ini setelah melakukan perjalanan dari luar negara. Setakat ini, seramai 8,684 orang menamatkan pengasingan diri mandatori di kemudahan-kemudahan berkenaan.

Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 99 sampel diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak

Januari 2020 kepada 77,493 ujian.

Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan orang ramai untuk mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing dengan mengamalkan kebersihan diri, etika bersin yang betul, digalakkan memakai sungkup muka (*face mask*) apabila berada di tempat-tempat awam yang penuh sesak dan jika merasa kurang sihat, tidak menghadirkan diri ke tempat-tempat awam dan majlis-majlis keramaian.

Sebagaimana peruntukan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggal 204), orang ramai adalah dikehendaki untuk mematuhi segala peraturan dan arahan yang telah dikeluarkan dan masih berkuat kuasa semasa pandemik COVID-19 ini.

Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi wabak di negara ini serta di peringkat serantau dan global dan akan memaklumkan kepada orang ramai mengenai sebarang perubahan mengenai situasi wabak COVID-19, jika perlu dari semasa ke semasa.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa Sidang Media berkenaan.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Belum ada vaksin diberikan di mana-mana negara

BERAKAS, Selasa, 1 Disember. - Bila seseorang masuk ke negara ini, ia perlu melakukan *pre-departure swab* tetapi masih akan menjalani kuarantin apabila tiba di negara ini.

Seperti kes yang didapati pada hari ini, mereka yang masuk ke negara ini memang sudah menjalani *pre-departure swab* tetapi terdapat salah seorang daripada mereka yang positif.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menjelaskan demikian semasa sesi soal jawab pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang diadakan petang tadi di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Walaupun kita membenarkan orang masuk ke negara ini, kata Yang Berhormat, mereka ini adalah *essential traveller*, di mana mereka bertugas di negara ini atau ahli keluarganya bertugas di sini.

Menyentuh mengenai *mass gathering*, pada masa ini, menurut Yang Berhormat, ia adalah *tertakluk* kepada keadaan sekeliling, terutama negara-negara jiran.

Jadi pada masa ini, belum lagi ada rencana untuk mengurangkan

penjarakan selanjutnya, jelas Yang Berhormat.

"Mengenai vaksin pula, ia hanyalah andaian yang dibuat yang mana ia akan tiba di pada bulan Jun tahun hadapan tetapi pada hakikatnya belum dapat dipastikan bilakah waktu yang tepat.

"Setakat ini, belum ada vaksin yang boleh diberikan kepada umum di mana-mana negara sebagai sebahagian daripada program imunisasi mereka," ujar Yang Berhormat.

Jadi, tegas Yang Berhormat, ia belum berlaku dan seperti yang diterangkan sebelum ini, walaupun di negara luar sudah ada tetapi kita perlu menunggu giliran kita kerana ia memakan masa untuk dihasilkan dan penghantaran pun memakan masa.

Alhamdulillah, tambah Yang Berhormat, kita di negara ini mengikuti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melalui COVAX, vaksin untuk NBD dihasilkan dari sana dan selebihnya adalah melalui bilateral.

Untuk membuka sempadan, bukan sahaja dari segi negara kita, tetapi juga perlu dilihat di bahagian rantaui dan global, beberapa banyak *uptake* vaksin tersebut mengikut bilangan penduduk di sebuah negara itu, terang Yang Berhormat lagi.

"MENGENAI vaksin pula, ia hanyalah andaian yang dibuat yang mana ia akan tiba di pada bulan Jun tahun hadapan tetapi pada hakikatnya belum dapat dipastikan bilakah waktu yang tepat.

"Setakat ini, belum ada vaksin yang boleh diberikan kepada umum di mana-mana negara sebagai sebahagian daripada program imunisasi mereka".

MoU perkukuh kerjasama strategik



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (tengah) semasa menyaksikan Majlis Penandatanganan MoU di antara KKBS bersama Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa (IGS).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Selasa, 1 Disember. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) terus mengembangkan rangkaian rakan-rakan strategik dalam pelbagai bidang kerjasama melalui Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara KKBS bersama institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta tempatan iaitu Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa (International Graduate Studies-IGS).

Majlis Penandatanganannya berlangsung petang tadi di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Menandatangani MoU bagi pihak KKBS ialah Setiausaha Tetap (Pengurusan Strategi dan Dasar), KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Manakala mewakili institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfian bin Haji Zainal; Naib Canselor UTB, Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman; Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) IGS, Dr. Azaharaini bin Haji Mohd

Jamil.

Penandatanganan MoU tersebut disaksikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejaz Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku tetamu kehormat majlis.

Dalam usaha mendukung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai penggunaan pendekatan 'Whole of Nation' untuk meningkatkan kualiti kehidupan rakyat terutama sekali dalam menyahut pergelakan Revolusi Industri Keempat (4IR), maka melalui MoU seumpama ini akan mengukuhkan lagi kerjasama strategik di antara pihak KKBS dengan rakan-rakan strategik khususnya dengan institusi-institusi pendidikan tinggi awam dan swasta tempatan dalam bidang-bidang tertentu selaras dengan salah satu objektif strategik yang terkandung di dalam Pelan Strategik KKBS 2020-2024 iaitu 'Meningkatkan Kerjasama Strategik Melalui Pendekatan Seluruh Negara'.

Antara lain bidang kerjasama termasuk pertukaran idea-idea, lawatan dan maklumat dalam bidang berkaitan; pelaksanaan

kajian penyelidikan, pemuliharaan, penerbitan dan pendokumentasian hasil penyelidikan; akses kepada bahan, sumber perpustakaan; penggunaan fasiliti dan pembentukan teknologi digital, perisian maklumat dan inovasi.

Terdahulu, dalam ucapannya, Setiausaha Tetap (Pengurusan Strategi dan Dasar), KKBS berkata bahawa di bawah memorandum ini juga akan dijalankan kerjasama dalam program peningkatan kapasiti dan penempatan kerja / industri mengikut keperluan; program-program kebeliaan, kemasyarakatan dan sosial dalam meningkatkan kemandirian; mengadakan aktiviti pembangunan sosioekonomi melalui *entrepreneurship* dan kerjasama dalam bidang-bidang lain yang dipersetujui bersama oleh kedua-dua pihak.

"Bertitik tolak dari penandatanganan Memorandum Persefahaman ini, KKBS, insyaAllah, akan terus mengorak langkah ke hadapan untuk meningkatkan lagi jalinan kerjasama dengan rakan-rakan strategik yang lain sama ada dari agensi-agensi kerajaan, pihak swasta mahupun NGOs," ujarnya.

Turut hadir pada majlis tersebut, Setiausaha - setiausaha Tetap, Pengarah-pengarah, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kanan dari KKBS dan juga pegawai-pegawai kanan dari keempat-empat Institusi-institusi Pengajian Tinggi.

Manfaatkan sains, teknologi tingkat keberkesanan pertahanan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
 Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

TANAH JAMBU, Isnin, 30 November. - Kita semua menyadari, ancaman-ancaman atau cabaran-cabaran di landskap keselamatan sentiasa saja cepat berubah, sentiasa berkembang dan sentiasa mencabar keupayaan pertahanan negara-negara dunia dalam menangani cabaran-cabaran kontemporari.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku tetamu kehormat semasa berucap pada Majlis Pelancaran Jilid Pertama Jurnal Frontier Kementerian Pertahanan di Dewan Auditorium, Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Tanah Jambu.

"Dalam menghadapinya, kita tidak mempunyai pilihan, selain memanfaatkan dan menerapkan penggunaan Sains dan Teknologi bagi mempertingkatkan antaranya keberkesanan *force multiplier* keupayaan keselamatan dan pertahanan," jelas Yang Berhormat.

Dalam konteks Kementerian Pertahanan, ujar Yang Berhormat, peranan Kumpulan Sains dan Pertahanan atau Defence Science and Technology (DSTG) adalah sangat penting ke arah penguasaan sains dan teknologi pertahanan

dan dalam menyelaras segala usaha jabatan-jabatan dan unit-unit berkenaan dengannya.

Tambah Yang Berhormat, sejak penubuhannya 10 tahun, iaitu pada 1 Julai 2010, DSTG telah pun berjaya memartabatkan kepentingan sains dan teknologi di dalam organisasi secara progresif.

Yang Berhormat turut menjelaskan, dalam membangun keupayaan ABDB, beberapa pendekatan inovatif telah diambil dalam memastikan ABDB menjadi pembeli dan pengguna yang pintar dengan mengambil kira *value for money* serta *sustainability* dalam mencapai Visi Pertahanan.

"Pendekatan ini bukan sahaja tertumpu kepada pembangunan keupayaan asas tentera tetapi kepada *supporting elements*, seperti prasarana-prasarana dan dalam pembangunan sumber tenaga manusia. Kepentingan bagi aktiviti-aktiviti penyelidikan diteruskan dalam bidang-bidang berkenaan dan juga dilaratkan lagi bagi memanfaatkan teknologi di era Revolusi Perindustrian 4.0 ini adalah utama bagi memastikan ketersediaan dan kesiapsiagaan ABDB terus terjaga di masa hadapan," terang Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, inovasi mempunyai kaitan rapat dengan Penyelidikan dan Perkembangan, namun

membudayakan inovasi bukanlah perkara mudah.

Ia, tegas Yang Berhormat, memerlukan komitmen di semua peringkat, ia memerlukan peruntukan sewajarnya dan ia juga memerlukan strategi atau hala tuju yang berpandangan jauh ke hadapan.

Yang Berhormat turut menyarankan kumpulan DSTG Kementerian Pertahanan untuk mengkaji dasar dan langkah-langkah yang dapat diambil untuk menginstitusikan proses serta mekanisme bagi menjana inovasi sains dan teknologi di pelbagai lapisan di Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Yang Berhormat seterusnya berkata, dalam membentuk Strategi Penyelidikan dan Perkembangan Pertahanan atau Defence Research and Development Strategy yang akan mengenal pasti bidang-bidang penyelidikan utama dan rangka Strategi Penyelidikan dan Perkembangan Pertahanan.

Menurut Yang Berhormat lagi, batasan terhadap sumber-sumber penyelidikan bermakna sesebuah organisasi harus bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan untuk mencapai objektif penyelidikan dengan efisien.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat mengalui langkah-langkah permulaan kerjasama antara Kementerian Pertahanan dengan institusi pengajaran tinggi, seperti Universiti Brunei Darussalam dan Universiti Teknologi Brunei.

Seterusnya, Yang Berhormat juga menjelaskan, di dalam Strategi Penyelidikan dan Perkembangan Pertahanan itu tadi untuk memperkembangkan lagi kerjasama dengan pihak-pihak dalam dan luar negeri, bagi manfaat bersama, bukan sahaja bagi pihak-pihak yang terlibat, tetapi kepada kehidupan masyarakat dan negara amnya.

"Pelancaran Jurnal Frontier hari ini merupakan satu lagi *milestone* yang penting dan membanggakan bagi Kementerian Pertahanan serta ABDB ke arah matlamat pembangunan dan perkembangan Sains dan Teknologi Pertahanan. Membanggakan, kerana jurnal ini merupakan antara hasil usaha gigih dan dedikasi dalam melaksanakan pelbagai projek Penyelidikan dan Perkembangan (Research and Development) di bidang Sains dan Teknologi Pertahanan dari beberapa tahun kebelakangan," ucap Yang Berhormat.

Jelas Yang Berhormat, adalah menjadi harapan jurnal tersebut dapat menjadi sebagai salah satu landasan utama dan laluan untuk mengongsikan idea dan dapatkan kajian saintifik serta memupuk keinginan pembelajaran berterusan dan inovasi di Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Yang Berhormat juga menjelaskan bahawa terbitan Jurnal Frontier ini merupakan satu sumbangan kepada komuniti sains dan teknologi di negara ini dan berharap ahli-ahli komuniti Sains dan Teknologi serta institusi-institusi di negara ini akan dapat memperluaskan lagi kerjasama dan kolaborasi antara satu sama lain demi perkembangan dan kemajuan Negara Brunei Darussalam dalam bersama mencapai dan menjayakan Wawasan Brunei 2035.

Majlis tersebut diteruskan dengan penyerahan salinan jurnal berkenaan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat kepada wakil-wakil daripada kementerian-kementerian kerajaan dan institusi-institusi.

Sebagai penghargaan terhadap sumbangan artikel penyelidikan ke jilid perdana jurnal tersebut, tetamu kehormat turut menyampaikan sijil penghargaan kepada pengarang-pengarang Jurnal Frontier yang terdiri dari para pegawai dan penyelidik dari Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Jurnal Frontier merupakan hasil usaha DSTG yang terdiri dari jabatan-jabatan dan unit-unit sains dan teknologi dari Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Antara topik-topik yang terdapat di dalam jilid ini adalah 'Kecederaan Anterior Cruciate Ligament (ACL) dalam ABDB'; 'Kepentingan Reka Bentuk Infrastruktur Kolam Renang dan Kesannya Terhadap Kecekapan Tenaga'; 'Cadangan Menjalankan



YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua semasa berucap pada Majlis Pelancaran Jilid Pertama Jurnal Frontier Kementerian Pertahanan.

Latihan Fizikal bagi ABDB Ketika Berpuasa Pada Bulan Ramadhan'; dan 'Perjalanan Ke Arah Integrated Knowledge Management System (IKMS)'. Turut hadir, Pemerintah ABDB, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Naib Canselor UBD, Naib Canselor UTB, Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera dan Angkatan Bersama, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, wakil Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei dan wakil-wakil daripada kementerian-kementerian kerajaan.

Waspada, peka sebarang unsur pengganasan

Dari muka 11

Dalam satu kenyataan bersama, para pemimpin mengambil maklum krisis yang dihadapi oleh masyarakat antarabangsa akibat pandemik COVID-19 yang memberi kesan teruk terhadap sistem kesihatan, ekonomi dan masyarakat di negara-negara serantau.

Mereka juga mengambil maklum setiap negara di rantau ini menghadapi ancaman pengganasan dan keganasan yang berbeza namun terdapat persamaan dalam bagaimana kumpulan pelampau di seluruh dunia berusaha untuk memanfaatkan perpecahan dan rungutan, termasuk dengan memasukkan isu COVID-19 ke dalam naratif dan propaganda mereka.

Para pemimpin juga mengambil maklum isu pengganasan secara domestik dan rentas sempadan akan terus menjadi antara isu strategik utama di rantau ini.

Langkah-langkah untuk mengekalkan momentum dalam memerangi pengganasan adalah perlu dilaksanakan termasuk dengan bersama-sama berusaha mengamalkan kesederhanaan dan mengembangkan kebersamaan atau *inclusivism* demi mengekalkan keamanan di rantau ini.

Mesyuarat turut menyatakan persetujuan untuk terus bekerjasama melalui Mesyuarat Sub-Serantau Menentang Pengganasan dan Sekuriti Rentas Sempadan bagi membina persefahaman bersama terhadap ancaman persekitaran; menetapkan isu-isu utama untuk resolusi dan meningkatkan kerjasama bagi membanteras sebarang ancaman keselamatan serantau.

Para pemimpin seterusnya bersetuju untuk menuju Forum Dasar Menangani Pengganasan Peringkat Pegawai-pegawai Kanan, di bawah naungan Mesyuarat Sub-Serantau Menentang Pengganasan dan Sekuriti Rentas Sempadan.

Ia bertujuan untuk mengenal pasti dan mengongsikan kaedah-kaedah terbaik berkaitan dasar dalam menangani pengganasan termasuk berhubung pergerakan FTF.

Melihat kepada betapa pentingnya perbincangan berterusan mengenai cabaran-cabaran keselamatan serantau, adalah dipersetujui Mesyuarat Sub-Serantau peringkat Menteri seterusnya akan diadakan pada tahun 2021.



Tingkat rasa pemedulian melalui Projek 'SMS' Brunei Prihatin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 November. - Projek 'SMS' Brunei Prihatin bagi Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA) Tahun 2020 - 2021 akan berjalan selama enam bulan, bermula hari ini hingga 31 Mei 2021 bagi memudahkan orang ramai menyalurkan sumbangan ikhlak mereka, khusus kepada anak-anak yatim, di negara ini.

Tujuan utama projek ini diadakan adalah untuk meningkatkan rasa pemedulian dan kasih sayang dalam kalangan masyarakat terhadap anak-anak yatim.

Majlis Pelancaran 'SMS' Brunei Prihatin bagi DANA berkenaan diadakan di Dewan Serba Guna, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejari Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengurus Lembaga Pemegang Amanah DANA.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB; dan Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abd. Razak selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA.



YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua semasa melancarkan Projek 'SMS' Brunei Prihatin bagi Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA) Tahun 2020 - 2021 yang berjalan selama enam bulan, bermula hari ini hingga 31 Mei 2021 bagi memudahkan orang ramai menyalurkan sumbangan ikhlak mereka, khusus kepada anak-anak yatim di negara ini.

Bagi menjayakan 'SMS' Brunei Prihatin bagi DANA, tiga buah syarikat telekomunikasi bersedia memberikan kemudahan perkhidmatan 'SMS', iaitu Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST); Syarikat Progresif Sdn. Bhd.; dan Syarikat Imagine Sdn. Bhd.

Sumbangan kepada anak-anak yatim melalui 'SMS' Brunei

Prihatin bagi DANA boleh dibuat melalui 'SMS', sama ada BND100 atau BND50 atau BND20 atau BND15 atau BND10 atau BND5 atau BND1, dengan menaip kata laluan DANA, diikuti dengan jumlah sumbangan (100 atau 50 atau 20 atau 15 atau 10 atau 5 atau 1) tanpa jarak dan menghantarnya ke nombor 38111 bagi pengguna talian DST dan Progresif atau

39999 bagi pengguna talian Imagine. Misalnya : DANA10 (bagi sumbangan BND10). Dalam membantu mempromosikan 'SMS' Brunei Prihatin bagi DANA ini, satu video

promo diterbitkan dan akan ditayangkan di Radio dan Televisyen Brunei dan pawagam-pawagam yang terlibat, iaitu The Mall Cineplex dan Times Cineplex.

Dorongan anak yatim pertingkatkan pencapaian pendidikan



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB menyampaikan sumbangan kupon bernilai BND200 setiap seorang untuk pembelian peralatan dan keperluan persekolahan anak-anak yatim bagi Tahun 2021 kepada Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; dan wakil Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Suhaili (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 November. - Seramai 3,697 anak yatim yang berdaftar di Sekretariat Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA) di seluruh negara akan menerima sumbangan kupon bernilai BND200 setiap seorang untuk pembelian peralatan dan keperluan persekolahan bagi Tahun 2021.

Sehubungan itu, majlis

penyampaiannya berlangsung di Dewan Serba Guna, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), di ibu negara.

Penyerahan kupon berkenaan disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB.

Bagi Daerah Brunei dan Muara

(DBM) juga Daerah Tutong, kupon diterima oleh Pegawai DBM, Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Bagi Daerah Belait, kupon diterima oleh wakil Pegawai Daerah Belait, Awang Mohammad Fadzil bin Md. Yanie; manakala bagi Daerah Temburong, ia diterima oleh wakil Pemangku Pegawai Daerah berkenaan, iaitu Awang Haji Mohamad Azmi bin

Haji Suhaili.

Kupon-kupon tersebut seterusnya akan diserahkan kepada anak-anak yatim di seluruh negara melalui Ketua Kampung masing-masing.

Ia sah ditukarkan atau digunakan, di 38 buah syarikat, di keempat-empat daerah yang membekalkan barang-barang yang dikenal pasti oleh DANA.

Antaranya, kedai-kedai yang

membekalkan buku-buku latihan, buku-buku kerja, peralatan tulis, pakaian sekolah, beg dan kasut sekolah juga barang-barang keperluan harian anak-anak yatim yang belum bersekolah.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 24 buah syarikat bersetuju untuk menyumbangkan lima peratus daripada hasil jualan melalui kupon tersebut kepada DANA.

Di samping itu, kupon DANA boleh digunakan di sekolah, sama ada di bawah Kementerian Pendidikan; Kementerian Hal Ehwal Ugama; maupun sekolah swasta.

Sumbangan ini dihasrat untuk memberikan galakan dan kesedaran dalam kalangan anak yatim bagi menghargai kepentingan pendidikan dalam kehidupan mereka di masa hadapan, seterusnya memberi dorongan kepada mereka untuk mempertingkatkan pencapaian pendidikan mereka.

Bagi ibu dan penjaga pula, sumbangan ini dihasrat bagi meringankan beban perbelanjaan yang ditanggung, khususnya apabila menjelang penggal awal persekolahan anak-anak mereka.

Bantuan sebegini diharap akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh anak-anak yatim dan para penjaga mereka.

Awang Mohd. Hafizhu Nurul Alamin, Dayang Noraimah johan

BERAKAS, Isnin, 30 November. - Awang Mohd. Hafizhu Nurul Alamin bin Mohammad dan Dayang Noraimah binti Napiah, masing-masing muncul johan qari dan qariah pada Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran bagi Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) juga jabatan-jabatan di bawahnya, Tahun 1442H / 2020M.

Manakala naib johan bagi qari dan qariah pula disandang oleh Awang Haji Mohd. Basren bin Haji Bintang dan Dayang Norizan binti Abdullah, sementara tempat ketiga pula, Pengiran Muhsin Ilyas bin Pengiran Haji Masri dan Dayang Nur Shahreena binti Abdullah.

Sehubungan itu, MOFE mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah bagi pertandingan berkenaan yang berlangsung di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah, sijil penyertaan kepada johan qari dan qariah juga cenderahati kepada



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menyampaikan hadiah, sijil penyertaan Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran bagi Kementerian Kewangan dan Ekonomi juga jabatan-jabatan di bawahnya, Tahun 1442H / 2020M kepada johan qari, Awang Mohd. Hafizhu Nurul Alamin bin Mohammad dan johan qariah, Dayang Noraimah binti Napiah (kiri dan kanan).

hakim-hakim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Seramai enam qari dan lapan qariah ikut serta dalam

pertandingan berkenaan.

Aktiviti tahunan MOFE juga jabatan-jabatan di bawahnya yang diungkayahkan oleh Tabung Amanah Pekerja tersebut, antara lain bertujuan untuk menggalakkan pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran,



Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

di samping mengetengahkan bakat-bakat dalam kalangan pegawai dan kakitangannya. Turut hadir, Setiausaha-

Setiausaha Tetap; ketua-ketua jabatan dan bahagian; pegawai-pegawai; dan kakitangan dari MOFE.

17 kontrak ditandatangani, 7 konsultan dilantik



YANG Berhormat Menteri Pembangunan (duduk, tengah) hadir bagi menyaksikan Majlis Penandatanganan Kontrak dan Persetujuan Pelantikan Konsultan bagi Projek-projek Di Bawah Kendalian Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Kemajuan Perumahan dan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan yang berlangsung di Dewan Atria Simpur, Ibu Pejabat JKR.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BERAKAS, Isnin, 30 November. - Sebanyak 17 projek Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan dijangka bermula dengan pelantikan konsultan-konsultan masing-masing pada Majlis Penandatanganan Kontrak dan Persetujuan Pelantikan Konsultan bagi Projek-projek Di Bawah Kendalian JKR, Jabatan Kemajuan Perumahan dan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan yang berlangsung di Dewan Atria Simpur, Ibu Pejabat JKR, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyaksikan kesemua penandatanganan tersebut ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar.

Majlis penandatanganan

dimulakan dengan penandatanganan bagi projek Menaiktaraf dan Pengubahsuai Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas - Fasa 2 yang ditandatangani oleh LCY Development Sdn. Bhd. bernilai BND17,557,154.

Projek tersebut akan menaik taraf fasiliti stadium yang sedia ada, termasuk menyediakan kemudahan bagi Orang Kelainan Upaya (berkerusi roda).

Projek yang akan berjalan selama 18 bulan itu juga antaranya akan melibatkan menukar ruang di bawah menjadi ruang serba guna sebagai kawasan latihan, acara, pameran, ruang galeri, ruang majlis dan ruang penonton.

Majlis kemudian menyaksikan penandatanganan bagi projek Membina Bangunan Baharu Unit Perlindungan Kompleks Rumah

Kebajikan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS) yang ditandatangani oleh Salsadil Sdn. Bhd.

Terletak bersebelahan dengan Kompleks Rumah Kebajikan di Kampung Belimbang, projek bernilai BND1,798,512.85 bakal digunakan oleh kanak-kanak dan keluarga yang dilindungi di bawah undang-undang di Negara Brunei Darussalam apabila ia siap dibina dalam tempoh 13 bulan.

Syarikat seterusnya yang menandatangani ialah Pro-BUILDER Sdn. Bhd. yang terlibat dalam kerja Membina Kolam Penahanan Banjir Daerah Tutong Fasa 1.

Projek tersebut menelan belanja sebanyak BND6,078,888 yang akan disiapkan dalam tempoh 24 bulan. Di bawah projek berkenaan, ia akan mengurangkan impak banjir di kawasan yang rendah, seperti di kawasan dataran banjir Sungai Tutong, iaitu Kampung Lubok Pulau, Kampung Liulon, Kampung Bukit Nibong,

Kampung Penulud, Kampung Tanjong Maya dan Kampung Sibakit.

Manakala kontraktor Foundation Contactor & Engineering Sdn. Bhd. menandatangani tiga projek lagi, iaitu Menaiktaraf Sungai Utama dan Anak-anak Sungai - Kerja-kerja Pembaikan Dinding Sungai Menglait bernilai BND1,673,773 dalam tempoh selama 18 bulan bagi mengelakkan hakisar daripada terjadi; diikuti dengan projek Menaiktaraf Sungai Utama dan Anak-anak Sungai - Pembaikan Saliran di Kawasan Jalan Jerudong Fasa 1 bernilai BND1,227,227 yang juga dalam tempoh selama 18 bulan bagi penaiktarafan longkang outlet; dan seterusnya projek Pembinaan Kalbat Pelepasan Banjir di Simpang 884, Jalan Jangsak bernilai BND1,093,993 yang dijangka berjalan selama lapan bulan bagi menambah longkang kalbat.

Sementara itu, kontraktor Beaver Engineering Sdn. Bhd. turut menandatangani dua dokumen kontrak masing-masing bernilai BND1,833,280 dan BND1,688,530 bagi kerja-kerja Projek Rintis Secara Komprehensif Selama Tujuh Tahun Kontrak Bermusim bagi Kerja-kerja Operasi dan Pemeliharaan Stesen-stesen Pam dan Kolam-kolam Oksida Pembentungan Untuk Tadahan Lambak Kiri dan Mentiri, di mana projek tersebut membolehkan menjalankan kerja operasi dan pemeliharaan secara komprehensif ke atas peralatan sistem-sistem pam dan rawatan, dan mengurangkan masalah tekanan air rendah dan masalah bekalan air di kawasan yang terjejas, yang masing-masing mengambil tempoh selama 84 bulan dan 14 bulan.

17 kontrak ditandatangani, 7 konsultan dilantik

Dari muka 15

Sebuah lagi projek, iaitu Mengganti Pam-pam Utama bagi Logi-logi dan Booster Pam - Loji Rawatan Air Daerah Brunei dan Muara, Tutong dan Temburong bakal mengurangkan masalah tekanan air rendah dan masalah bekalan air utama di Loji Rawatan Air Layong, Mengkubau, Sumbiling dan Batang Duri.

Sementara itu, kontraktor KTH Bersatu Sdn. Bhd. bakal melaksanakan projek Mengganti Pam-pam Utama bagi Logi-logi dan Booster Pam-Loji Rawatan Air Bukit Barun yang bernilai BND1,686,096.36 dan dijalankan selama 20 bulan, di mana ia bakal meningkatkan prestasi pam yang sedia ada bagi membolehkan sumber air bersih dapat disalurkan pada tahap optimum dan memuaskan.

Dua lagi projek menyaksikan penandatanganannya, iaitu kontraktor Pembinaan Assrinah Dan Anak-anak Sdn. Bhd., iaitu Mengganti Paip Air Pembekalan Menuju Ke Tangki Sultan Flight bernilai BND723,250 dan akan dijalankan selama 12 bulan sebagai persediaan alternatif bagi sumber air, dan projek kedua, iaitu Siasatan Non-Revenue Water dan Aktiviti Berkaitan Bagi District Metered Areas (DMAS) Terpilih Di Daerah Brunei dan Muara yang bernilai BND766,675.16, dijangka berjalan selama 24 bulan, iaitu bagi kajian dan meyelidiki laporan terperinci mengenai status semasa.

Kontrak yang bernilai BND513,963 pula bagi kerja-kerja Mengganti Paip-paip Air Lama Jenis Abestos Cement/Galvanised Iron And PVC Di Dalam Rangkaian Sistem Pembahagian Air - Perpindahan Rataie, Daerah Temburong (Fasa 1) dijalankan dalam tempoh 18 bulan adalah untuk memastikan pembekalan air tidak terganggu dan kontrak bernilai BND300,000 (FSOR) yang berjalan selama 36 bulan ditandatangani oleh Amron Contractor Sdn. Bhd., iaitu bagi melaksanakan kerja-kerja pemeliharaan aset-aset di bawah kawalan JKR Daerah Belait.

Manakala kerja-kerja Menaiktaraf Sungai Utama dan Anak-anak Sungai - Kampung Lumut Catchment Area bernilai BND1,092,682 ditandatangani oleh Jumas Sdn. Bhd. dan bakal dijalankan selama 24 bulan, di mana ia apabila siap kelak akan dapat menghalang pembiakan nyamuk, di samping mengurangkan kadar banjir.

Projek seterusnya yang menyaksikan penandatanganannya ialah bagi Kerja-kerja Infrastruktur dan Perumahan Am - National Housing Scheme Balanced Infrastructure Works at Kampung Meragang Phase 7, yang akan dilaksanakan oleh MIM Sdn. Bhd. dalam tempoh sembilan bulan dan bernilai BND1,233,089, iaitu bagi menyiapkan semua infrastruktur yang ada di dalam kawasan perumahan ini.

Majlis diikuti dengan penandatanganan oleh Haque

Vanu Sdn. Bhd. bernilai BND128,001 bagi Maintenance of Landscape and Park Facilities at Menteri Besar Recreational Park For A Period of Two Years yang dijangka akan dijalankan selama 24 bulan bagi memastikan pemeliharaan landskap dan penyelenggaraan / pengurusan kemudahan-kemudahan awam di taman tersebut.

Majlis diteruskan dengan penandatanganan bersama Nasir Sdn. Bhd. yang bakal melaksanakan kerja-kerja Daily Collection and Disposal of Wastes From The Roadside Waste Collection Centres in Belait District For A Period of Two Years bernilai BND436,980, yang mengambil tempoh selama 24 bulan, iaitu bagi menguruskan setiap hari sampah-sampah dan sisa-sisa buangan.

Sementara itu, tujuh lagi konsultan telah dilantik bagi dua projek, iaitu projek Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Masjid Baru Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Telisai, di mana kedua-dua projek tersebut daripada arkitek OWMP International.

Penandatanganan persetujuan pelantikan tersebut ditandatangani oleh Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan, Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria dengan wakil konsultan masing-masing.

Manakala penandatanganan



YANG Berhormat Menteri Pembangunan (kiri) semasa menyerahkan projek yang ditandatangani pada majlis tersebut.

kontrak bagi projek-projek pembinaan tersebut ditandatangani antara Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya, Pemangku Pengarah Kemajuan Perumahan, Pemangku Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Pemangku Pengarah Saliran dan Pembetungan, Pemangku Pengarah Perkhidmatan Air, Pemangku Pengarah Perkhidmatan Bangunan, serta wakil-wakil kontraktor yang dilantik.

Majlis diakhiri dengan sesi penyerahan dokumen kontrak dan dokumen persetujuan pelantikan konsultan, diikuti dengan penyerahan dokumen pelantikan konsultan serta sesi bergambar ramai.

Turut hadir pada majlis, Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin; Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang), Kementerian Pembangunan, Sr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohd. Yaakub; Ketua - ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan di bawah JKR, Jabatan Kemajuan Perumahan dan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan.

Membangun kemampuan keusahawanan



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (duduk, tengah) dan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (duduk, kiri) semasa sesi bergambar ramai bersama para peserta Program Latihan Keusahawanan 2020 kelolaan Big BWN Project berkenaan.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 November. - Seramai 15 peserta terdiri daripada usahawan tempatan yang mengikuti Program Latihan Keusahawanan 2020 kelolaan Big BWN Project menerima sijil masing-masing pada Majlis Penutup program tersebut yang berlangsung petang tadi di Pusat Pembangunan Komuniti Kampung Bolkiah,

di sini.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Pengasas Big BWN Project, Dayang Norhafizah binti Haji Rashid semasa berucap pada majlis tersebut menjelaskan, Program Latihan Keusahawanan ini dikhaskan untuk usahawan belia, usahawan wanita dan masyarakat setempat untuk membantu membangun kemampuan produktif mereka dalam bidang keusahawanan melalui peningkatan kemahiran dan program pertumbuhan yang mampan dan inklusif.

Tambahnya, program yang telah bermula pada bulan Ogos

2020 itu melibatkan 15 usahawan tempatan untuk meningkatkan dan membina kecekapan dan kemahiran keusahawanan mereka melalui sesi perkongsian dan aktiviti menarik untuk menunjukkan kesan positif program bagi meningkatkan prestasi perniagaan dan kedayaftahanan perniagaan mereka.

"Program menggunakan kaedah interaktif seperti penetapan tujuan, perancangan dan pemantauan sistematis, inisiatif pencarian peluang, memenuhi komitmen, permintaan



PENGASAS Big BWN Project, Dayang Norhafizah binti Haji Rashid semasa berucap.

kecekapan dan kualiti, mengambil risiko yang dihitung, negotiation and network dan kebebasan dan keyakinan diri dalam perniagaan mereka," ujarnya.

Melalui program latihan tersebut, pihak pengajur berharap akan dapat membantu para peserta untuk membina lebih banyak akses untuk pembiayaan dan pelaburan yang boleh memperkembangkan perusahaan mereka.

Program tersebut juga menunjukkan kesan positif kepada para peserta, sekali gus akan dapat membantu mereka mempertingkatkan lagi sosioekonomi mereka dari pelbagai segi.



HAKIM Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah (LPKS), Kementerian Kewangan dan Ekonomi semasa berucap.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 November. - Resolusi-resolusi Badan Penasihat Syariah Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) yang dipilih

Resolusi Badan Penasihat Syariah BIBD relevan, sesuai

adalah sangat relevan dan sesuai bagi tatapan, rujukan, panduan dan maklumat kepada penasihat Syariah, pengamal kewangan dan juga orang ramai secara amnya.

Berdasarkan resolusi-resolusi yang terpilih, ia dapat memperlihatkan bagaimana sesuatu produk dan perkhidmatan kewangan Islam, khususnya produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh BIBD, berkembang dan berinovasi semenjak institusi kewangan ini ditubuhkan sehingga ke hari ini, setanding dengan produk-produk kewangan lain yang ada di pasaran, sama ada di peringkat tempatan maupun global.

Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin

selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah (LPKS), Kementerian Kewangan dan Ekonomi menyatakan perkara tersebut semasa Majlis Pelancaran Buku Kompilasi Resolusi Pilihan Badan Penasihat Syariah BIBD (1993-2016) yang berlangsung di Tarindak D'Seni, di sini.

Tambah Yang Dimuliakan Pehin, dalam perkara berkaitan dengan kewangan dan perbankan Islam, rujukan hukum-hakam tidaklah terhad kepada Mazhab Syafi'e sahaja, bahkan juga bersifat terbuka dengan merujuk kepada Mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah yang lain, seperti Mazhab Hanafi, Hambali dan Maliki.

Jelas Yang Dimuliakan Pehin, secara amnya, tidak dinafikan bahawa terdapat perbezaan

pendapat dalam sesuatu resolusi Syariah atau fatwa berkaitan dengan produk kewangan Islam jika dibandingkan dengan pendapat-pendapat Ulama Kewangan Islam dari Timur Tengah, khususnya mengenai konsep-konsep Syariah seperti Bai'inah, Tawarruq dan Bai' Dayn.

Walau bagaimanapun, terang Yang Dimuliakan Pehin, usaha menghormatisasi perbezaan pendapat ini masih dan terus diusahakan sebagaimana peranan-peranan penting yang dimainkan oleh badan-badan, antaranya seperti - Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI), Majmuk Fiqh Al-Islami, OIC, International

Islamic Financial Market (IIFM), Islamic Financial Services Board (IFSB) dan lain-lain.

Terdahulu, Yang Dimuliakan Pehin menjelaskan, kerja-kerja pengumpulan, penulisan dan penerbitan Kompilasi Resolusi Pilihan Badan Penasihat Syariah BIBD tersebut telah berjaya disempurnakan dan siap dicetak pada Ogos 2019.

"Saya juga difahamkan Buku Kompilasi dalam versi bahasa Melayu telah sempurna diterjemahkan ke dalam versi bahasa Inggeris bagi memberikan manfaat yang lebih luas kepada pengguna yang tidak menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar," ujar Yang Dimuliakan Pehin.

BIBD lancar penerbitan resolusi pilihan BPS



PENOLONG Mufti (Buhuts), Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mazanan bin Haji Yusof selaku Pengerusi Badan Penasihat Syariah (BPS) BIBD dalam ucapan alu-aluan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 November. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) melancarkan Buku Kompilasi Resolusi Pilihan Badan Penasihat Syariah BIBD (1993-2016) yang

menyusun koleksi resolusi terpilih mengenai hal-hal yang berkaitan dengan Syariah dalam usaha meningkatkan kesedaran dan pemahaman keseluruhan mengenai Perbankan dan Kewangan Islam di negara ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan melancarkan buku tersebut ialah Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah (LPKS), Kementerian Kewangan dan Ekonomi yang berlangsung di Tarindak D'Seni, di sini.

Sejumlah 53 resolusi yang dipilih oleh Badan Penasihat Syariah BIBD dari tahun 1993 - ketika badan itu ditubuhkan - sehingga 2016.

Buku tersebut dimulakan dengan bab pengantar yang mengandungi profil ringkas dan sejarah penubuhan bank; akta yang berkaitan dengan operasi perbankan Islam; dan pelantikan

dan tanggungjawab Badan Penasihat Syariah (SAB) dalam memastikan perniagaan dan operasi bank mematuhi prinsip Syariah.

Penyusunan ini terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu 13 resolusi SAB-Islamic Bank of Brunei (IBB) yang terpilih (1993-2005); lima resolusi SAB-Islamic Development Bank of Brunei (IDBB) (2000-2005); dan 35 resolusi SAB-BIBD (2006-2016). Setiap resolusi yang dipilih berkongsi latar belakang masalah dan masalah kewangan.

Sementara itu, Penolong Mufti (Buhuts), Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mazanan bin Haji Yusof selaku Pengerusi Badan Penasihat Syariah (BPS) BIBD dalam ucapan alu-aluannya berharap agar usaha bagi pengumpulan dan penerbitan resolusi-resolusi pilihan BPS BIBD dan anak-anak syarikatnya, khususnya bagi tahun 2017 hingga terkini dan akan datang perlu diteruskan, termasuklah usaha menterjemahkannya ke dalam bahasa Inggeris agar dapat



BUKU Kompilasi Resolusi Pilihan Badan Penasihat Syariah BIBD (1993-2016).

memberikan manfaat yang lebih luas kepada orang ramai, bukan sahaja di peringkat tempatan, bahkan Nusantara dan global.

Dalam pada itu, buku versi bahasa Inggeris juga tersedia dalam bentuk soft copy yang boleh diperoleh dengan memuat turun melalui imbasan Kod QR, untuk

menjadikan buku ini lebih mudah diakses.

Juga hadir ke majlis tersebut, ketua-ketua perwakilan asing ke negara ini; Ahli Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah BIBD, BPS; pegawai kanan kerajaan dan pengurusan serta kakitangan BIBD.

ALAI PINTAR

SOALAN 039

SOALAN 2 DISEMBER 2020, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

1. Berapakah warna yang terdapat pada bendera Negara Brunei Darussalam?
a) Tiga Warna - Kuning, putih dan hitam
b) Empat warna - Kuning, putih, merah dan hitam
c) Lima warna - Putih, kuning, biru, merah dan hitam.
2. Berapakah jumlah $14,389 + 8374$?
a) 22,763
b) 13,789
c) 33,621
3. Apakah ibu negeri Republik Filipina?
a) Vientiane
b) Hanoi
c) Manila

TARIKH TUTUP : 14 DISEMBER 2020

HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK SEORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER HUA HO DEPARTMENT STORE BERNILAI BND38.00

PEMENANG ALAI PINTAR 038 :

Nama : Muhammad Iqbal Ziqri bin Zulaini
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0112065-01. Sekolah : Stella School

SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
3. Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 8300836** atau emel ke **pelita.brunei@information.gov.bn**
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
Sekolah :
Tahun :
Alamat :

Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 038

1. b) Al-Fatihah
2. b) 9,000
3. c) Tuala

DARI MAHKAMAH

Defendant dibenarkan jalani pemeriksaan kesihatan mental

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 November. - Seorang lelaki, warga tempatan, berumur 51 tahun, dihadapkan di Mahkamah Majistret hari ini atas kesalahan pecah cermin kereta.

Defendant, Cheong Foo Keong didakwa melakukan kesalahan kerana membaling batu ke cermin sebelah kiri kereta Daihatsu Terios, berdaftar BAB8480, kepunyaan seorang wanita, pada 25 November 2020, di kawasan sekitar Jalan Kianggeh.

Tuduhan ini dibacakan di hadapan Majistret Kamaliah Fadhilah binti Haji Ibrahim, di mana mahkamah membenarkan agar defendant untuk menjalani pemeriksaan kesihatan mental, di Jabatan Psikiatri, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Kes ini akan disebut semula pada 7 Disember 2020, pada 2.00 petang.

Pendakwaan dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Firdaus bin Haji Mohammad di bawah Seksyen 426 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 November. - Mahkamah Majistret hari ini menjatuhkan hukuman empat minggu penjara ke atas seorang lelaki, warga tempatan, berumur 30 tahun kerana melakukan kesalahan curi.

Defendant, Abdul Rashid bin Bujang, didakwa melakukan kesalahan mencuri sebuah telefon bimbit, berwarna merah, jenama

Oppo A12e, di kedai Syarikat FGR Sdn. Bhd., pada 24 November 2020.

Pemangku Majistret Kanan Pengiran Hazirah binti Pengiran Haji Yusof menjatuhkan hukuman tersebut, di mana hukuman titik permulaan, iaitu enam minggu penjara dikurangkan menjadi empat minggu atas pengakuan bersalah awal

defendant juga mempunyai rekod bersih.

Mahkamah juga memerintahkan agar barang yang dicuri itu segera dikembalikan kepada pemiliknya.

Pendakwaan dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Firdaus bin Haji Mohammad, di bawah Seksyen 379 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22.

Menipu : Warga emas dipenjara

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 November. - Akibat penipuan, seorang lelaki, warga emas dijatuhan hukuman 1 tahun dan 7 bulan penjara, di Mahkamah Majistret, hari ini.

Defendant, Omar Alli bin Haji Garip mengaku bersalah dan dijatuhan hukuman oleh Pemangku Majistret Kanan Pengiran Hazirah binti Pengiran Haji Yusof, di bawah Seksyen 420 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22.

Omar Alli, berumur 65 tahun, didakwa kerana menipu seorang lelaki tempatan, berumur 56 tahun (mangsa), di mana pada 14

Februari 2011, defendant telah menjual sebidang tanah dan rumah, iaitu EDR No. BD 27872, Lot 31085, Kampung Sengkurong 'A' telah pun dijual sebelum ini.

Semasa menjual tanah dan rumah tersebut, defendant mengetahui bahawa ibunya telah menjual tanah dan rumah berkenaan kepada seorang wanita tempatan, dengan harga BND75,000, pada 29 Oktober 2008.

Pada 13 Februari 2011, defendant meminta bantuan seorang lelaki untuk menjual rumah tersebut dengan harga BND120,000, di mana lelaki itu

tidak mengetahui bahawa EDR No. BD 27872, Lot 31085, Kampung Sengkurong 'A' telah pun dijual sebelum ini.

Defendant secara tidak jujur menipu mangsa, di mana mangsa mengetahui bahawa rumah dan tanah tersebut telah dijual kerana mangsa tidak dapat membuat penukaran nama (hak milik tanah) bagi rumah dan tanah yang dibeli secara tunai daripada defendant dengan harga BND120,000 berkenaan.

Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa, Hajah 'Adzimah Mukarramah binti Haji Salleh.

COVID-19 : 308 sampel ujian dilaksanakan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 November. - Negara Brunei Darussalam (NBD), alhamdulillah terus mencatatkan sifar kes baharu COVID-19, setakat jam 12.00 tengah, hari ini.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19, di negara ini, masih kekal sebanyak 150 kes.

Dalam Siaran Akbar Kementerian Kesihatan memaklumkan, setakat ini, NBD mencatatkan 208 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei lalu.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak sembilan kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan, dua kes aktif yang dicatat mendapatkan rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan ketika ini, di mana menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini, seramai 145 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 541 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 8,603 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24

Siaran Akbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

jam lalu, sebanyak 308 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 77,394 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan

perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini		Jumlah Keseluruhan Kes		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh	
0	2	3	145	150

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (208 hari yang lalu)	9 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
541	8,603

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
308 sampel	77,394



Pengenalan:

Program pemeriksaan kesihatan membolehkan pengesanan dan rawatan awal bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit walaupun awda tidak ada mempunyai sebarang tanda-tanda penyakit tersebut

Penyakit-penyakit tidak berjangkit adalah seperti:



Terdapat **4 program pemeriksaan kesihatan** yang diberikan iaitu:



Pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 40 tahun dan ke atas; dan
2. Tidak mempunyai perjangan berterusan di pusat kesihatan atau klinik pokok di hospital bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung dan strok.



Pemeriksaan kanser kolorektal

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 50 tahun dan ke atas; dan
2. Tidak pernah menghidap kanser kolorektal (usus); dan
3. Tidak menjalani ujian nafis untuk mengesan dari dalam tempoh 2 tahun kebelakangan; dan
4. Tidak menjalani kolonoskopi dalam tempoh 10 tahun kebelakangan.



Pemeriksaan kanser payudara

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 50 tahun dan ke atas; dan
2. Tidak mempunyai sebarang gejala penyakit payudara; dan
3. Tidak menjalani pemeriksaan mamogram dalam 3 tahun kebelakangan.



Pemeriksaan kanser serviks

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 20 – 65 tahun; dan
2. Pernah melakukan hubungan seksual; dan
3. Tidak pernah menghidap kanser serviks; dan
4. Tidak menjalani Ujian Pap (Pap test) dalam tempoh 3 tahun kebelakangan.

#SihatHasratKu

www.ppkk.gov.bn | health.screening@moh.gov.bn | Talian Darussalam 123



Rojak BAR tempatan menangi anugerah



PUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Korea menerima penyampaian 1st ASEAN-Korea Excellent Design Exhibition Award secara maya bagi pihak Dream Foods bagi produknya, Rojak BAR (Brunei Authentic Recipe - Resipi Asli Brunei) dengan sos pelbagai guna, berdasarkan kacang.

Siaran Akbar dan Foto : Dream Makers Enterprise

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 November. - Dream Foods Pte. Ltd., syarikat pembuatan makanan tempatan

memenangi 1st ASEAN-Korea Excellent Design Exhibition Award bagi produknya, Rojak BAR (Brunei Authentic Recipe -

Resipi Asli Brunei) dengan sos pelbagai guna, berdasarkan kacang.

Anugerah tersebut adalah untuk memperkenalkan industri reka bentuk pembungkusan kreatif dan memberikan pengiktirafan yang terbaik dari peringkat kelasnya, di arena antarabangsa yang sentiasa

kompetitif.

Pertandingan ini bermula pada bulan Jun dengan hampir 50 penyertaan reka bentuk dari 11 negara ASEAN dan melalui penilaian yang ketat oleh hakim dari setiap negara anggota untuk menilai aspek yang berbeza, seperti kreativiti, daya tarikan,

inovasi dan banyak lagi.

Rojak BAR diberikan anugerah berprestij dalam konsep reka bentuk dan botol berwarna yang diperbaharui, daripada pembungkusan plastik sebelumnya beralih ke kaca dalam usaha untuk mempromosikan penggunaan semula dan kelestariannya. Pek baharu diperkenalkan merangkumi ketiga-tiga rasa dalam meningkatkan pengguna dan kebolehpasaran.

Hadir semasa majlis penyampaian anugerah secara maya tersebut bagi menerima anugerah Dream Foods, iaitu Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Korea, Puan Yang Terutama Pengiran Hajah Nooriyah binti Pengiran Lela Wijaya Pengiran Haji Yussof.

Dalam ucapan Pengarah Urusan Dream Foods Pte. Ltd., Md. Yamin Abd. Hamid semasa penerimaan anugerah tersebut, melahirkan penghargaan kepada Darussalam Enterprise yang menyokong Rojak BAR sejak permulaannya.

Pengiktirafan itu bertepatan dengan pembukaan kedai pertamanya di Kontena Park di Taman Teknologi Anggerek Desa, yang akan dibuka pada Januari 2021.

Beliau juga melahirkan ucapan penghargaan kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Korea dalam memberikan sokongan dengan menghadiri majlis penghargaan secara maya.

Dream Foods Pte. Ltd. adalah sebahagian daripada Dream Group of Companies, yang sebelum ini di bawah Dream Makers Enterprise.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lebih lanjut atau membeli produk makanan boleh melayari www.dreamers.com.bn atau melalui media sosial di Instagram @drm.foods.

Beri keselesaan, kemudahan

Berita dan Foto : Ihsan Nasrun Rashid



SOLAR Light dipasang bagi keselesaan dan kemudahan penduduk kampung juga para pengunjung di Kampung Setia 'A'.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 November. - Sebanyak 18 biji Solar Light dipasang bagi keselesaan dan kemudahan penduduk kampung juga para pengunjung di Kampung Setia 'A', sekali gus bagi menerangi lagi jalan titian yang gelap.

Ini bererti, jumlah keseluruhan lampu yang dipasang adalah sebanyak 43 biji, di mana para penderma, terdiri daripada penduduk kampung dan para penderma lainnya.

Mudah-mudahan dengan adanya inisiatif seperti ini dapat membantu dalam memberikan lagi kemudahan para penduduk kampung dan semoga jasa juga budi baik para penderma akan mendapat balasan daripada-Nya juga.

Lindungi alam sekitar

Siaran Akbar dan Foto : Big BWN Project

KUALA BELAIT, Isnin, 30 November. - TOTAL Brunei dengan kerjasama Big BWN Project dan Zero Waste Brunei mengadakan Kempen Pembersihan Pantai yang diadakan di Pantai Lumut sebagai sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial Korporat mereka dalam melindungi alam sekitar.

Kempen bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan belia dan masyarakat setempat akibat jangka panjang terhadap penggunaan barang plastik (*single use*) dan

mengurangkan keseluruhan sampah yang masuk ke tempat pembuangan sampah juga pantai.

Kempen melibatkan 90 sukarelawan belia dari Institut Pendidikan Teknikal Brunei Lumut dan Kuala Belait juga lebih 50 kakitangan dan kontraktor dari Total's Onshore Processing Plant and Bandar Office dalam Kempen Pembersihan Sampah, terutama persekitaran pantai-pantai Brunei, di mana semasa

kempen berkenaan, mereka mengumpulkan lebih daripada 600kg sampah, kebanyakannya daripada barang plastik.

Kempen juga bertepatan dengan Kempen ASEAN Youth in Climate Action and Disaster Resilience Day's Campaign #myclimateactions, yang diadakan sepanjang bulan November bagi para belia, di seluruh rantau ini dalam mengambil bahagian dalam kegiatan alam sekitar.



TOTAL Brunei dengan kerjasama Big BWN Project dan Zero Waste Brunei mengadakan Kempen Pembersihan Pantai yang diadakan di Pantai Lumut sebagai sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial Korporat mereka dalam melindungi alam sekitar pada sesi bergambar ramai.

MAKLUMAN

IKLAN JAWATAN KOSONG

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN ATAU DENGAN MENGIMBAS KOD QR DI BAWAH.



LIHAT IKLAN
JAWATAN KOSONG



PSC.BN



www.pscrecruitment.bn

+673 7371961

PSC.BN

PSC.BN

query@spa.gov.bn



JABATAN KEHAKIMAN NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

BILANGAN SEBUT HARGA :
JKN / BPEA / SH / A / 2020 - 2021
(15)

GENERAL REPAIR WORKS AT
BRUNEI SUPREME COURT
AND SYARIAH COURTS
BUILDING,
BANDAR SERI BEGAWAN

Tarikh Tutup Sebut Harga :
SELASA, 22 DISEMBER 2020



KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

JABATAN
PERTUBUHAN-PERTUBUHAN
ANTARABANGSA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI

JAWATAN KOSONG
DI KOMANWEL SEKRETARIAT
LONDON

JAWATAN

1. Adviser Debt Management

Economic, Youth and Sustainable
Development Directorate
Tarikh Tutup : 8 Disember 2020

2. Adviser and Head of Gender Section
Economic, Youth and Sustainable
Development Directorate
Tarikh Tutup : 17 Disember 2020

UNTUK makluman, pemohon-pemohon yang berminat hendaklah memohon terus melalui laman sesawang : <http://thecommonwealth.org/jobs>



PUSAT DA'WAH ISLAMIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Perkara Yang Mesti Difahami :
**SEBUT HARGA YANG TIDAK
LENGKAP DIISI
TIDAK AKAN DILAYAN**

1. BIL :
(49) KHEU . PDI 300 - 001 JILID 24

TAJUK SEBUT HARGA :
**SEBUT HARGA MEMBEKAL
CAP KEGUNAAN
PUSAT DA'WAH ISLAMIAH**

2. BIL :
(58) KHEU . PDI 300 - 001 JILID 24

TAJUK SEBUT HARGA :
**SEBUT HARGA MENCETAK
MAJALAH AULADUNA
BAGI EMPAT KELUARAN 2021**

Tarikh Tutup penghantaran tawaran :
Rabu, 9 Disember 2020
(Jam 2.00 Petang)



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

1. BILANGAN TAWARAN :
JKR / DME / 27 / BPB / 2020

NAMA PROJEK :
MAINTENANCE OF 'SIGMA' LIFTS
AT HIGH COURT BUILDINGS,
BANDAR SERI BEGAWAN FOR A
PERIOD OF THIRTY-SIX (36)
MONTHS

2. BILANGAN TAWARAN :
JKR / DME / 28 / BPB / 2020

NAMA PROJEK :
MAINTENANCE OF 'SCHINDLER'
LIFTS IN GOVERNMENT
BUILDINGS FOR A PERIOD OF
THIRTY-SIX (36) MONTHS

3. BILANGAN TAWARAN :
JKR / DME / 30 / BPB / 2020

NAMA PROJEK :
TERM CONTRACT FOR
OPERATION AND MAINTENANCE
WORKS OF AIR-CONDITIONING
SYSTEM FOR GROUP LOCATION 4
FOR 3 YEARS

4. BILANGAN TAWARAN :
JKR / DME / 31 / BPB / 2020

NAMA PROJEK :
REPLACEMENT OF MAIN
ELECTRICAL SWITCHBOARD
AND OTHER ASSOCIATED WORK
FOR MA'WASSALIHIN HOUSE,
NO.36, SPG 545, KG MADEWA,
JALAN TUTONG

TARIKH TUTUP :
29 DISEMBER 2020
(SELASA),
TIDAK LEWAT DARI JAM 2.00
PETANG



1. BILANGAN TAWARAN :
JKR / DBSIMU030 / 2020

NAMA PROJEK :
KONTRAK PENGGAL BAGI
KERJA PEMBAIKAN DI MABOHAI
COMPLEX, BERANGAN
APARTMENT, JALAN PADANG
FLAT DAN SUMBILING FLAT
UNTUK SELAMA TIGA (3) TAHUN

2. BILANGAN TAWARAN :
JKR / DBSIMU032 / 2020

NAMA PROJEK :
MEMPERUNTUKKAN
PERKHIDMATAN KESELAMATAN
DI KOMPLEKS MABOHAI DAN
PERUMAHAN TERES KIARONG
UNTUK SELAMA SATU (1) TAHUN

BILANGAN PROJEK :
JKR / DBS / IMU004 / 2020

TARIKH AKHIR MENGAMBIL



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DOKUMEN TAWARAN PADA :
15 DISEMBER 2020 (SELASA)

TARIKH TUTUP :
22 DISEMBER 2020 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG





JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

KENYATAAN TAWARAN

BILANGAN TAWARAN :
JBS / ADM / TDK / 15 / 2020

TAJUK TAWARAN :
DESIGN, FABRICATE
AND SUPPLY FOR
FOOD STALL (FOOD KIOSK)
AT INDOOR STADIUM
CARPARK AREA,
HASSANAL BOLKIAH
NATIONAL SPORTS COMPLEX,
BRUNEI DARUSSALAM.

TARIKH TUTUP TAWARAN :
Tidak lewat Selasa,

22 Disember 2020
jam 2.00 Petang



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI

Tajuk Tawaran 1 :
TO SUPPLY AND INSTALL SPARE
PARTS FOR HOLD BAGGAGE
SCREENING SYSTEM, HBSS AT
BRUNEI INTERNATIONAL
AIRPORT
JPA / AME / 2020-2023 /
02 / R

Tarikh tutup tawaran :



Selasa,
22 Disember 2020
(hingga jam 2.00 Petang)



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI

Tajuk Sebut Harga :
SUPPLY AND INSTALL AIR
CIRCUIT BREAKER AT MAIN
SWITCH BOARD FOR BOMBA
AT BRUNEI INTERNATIONAL
AIRPORT
AME / 2020 - 2021 / SH-115

Tarikh tutup sebut harga :



Rabu,
30 Disember 2020
(hingga jam 2.00 Petang)



JABATAN ADAT ISTIADAT
NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

NOTIS SEBUT HARGA

Bilangan Tawaran :
JAIN / 21 / 2006 / III - 2020 (02)
(RETENDER)

Tajuk Tawaran :
Membekalkan Tablets PC and
Scanners

Tarikh tutup / jam :



22 Disember 2020 - Selasa
(9.00 Paggi)



JABATAN PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

PEMBERITAHUAN TAWARAN

Tajuk Tawaran :
Engagement of Qualified Security
Assessor (QSA) for
Payment Card Industry Data Security
Standards (PCI DSS) Compliance and
Related Services (3 Tahun)

Rujukan Tawaran :
JPKK / LTN2021-T01 / IT

Tarikh Tutup / Jam :
Isnin,
21 Disember 2020
jam 2.00 Petang



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

BILANGAN TAWARAN :
JPi / 3 / 2020

TAJUK :
CONSTRUCT, SUPPLY,
DELIVERY AND DEPLOY
COMPLETE SETS OF FISH
AGGREGATING DEVICES (FADS)
AT FISHING ZONE 2, BRUNEI
DARUSSALAM
FISHERY LIMITS

TARIKH TUTUP TAWARAN :
SELASA,
22 DISEMBER 2020,
2.00 PETANG



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI

**PEMBERITAHUAN PERUBAHAN
TARIKH TUTUP
TAWARAN SEBUT HARGA
JABATAN PENERBANGAN AWAM**

Nama Tawaran :
Pagar keselamatan
dan Sistem Pengesahan
Pencerobohan di Lapangan Terbang
Antarabangsa Brunei

Rujukan Tawaran :



DCA / HSSE / 2020 / T1 - 1107 - 010

Tarikh Tutup Diubah Kepada :
Selasa, 22 Disember 2020,
jam 2.00 Petang



JABATAN TANAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**SEBUT HARGA / TAWARAN
BAGI PERBEKALAN
JABATAN TANAH
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

BILANGAN :
02 / 2020 / SEBUT HARGA

TAJUK TAWARAN :
PEMASANGAN QUEUE
MANAGEMENT SYSTEM (QMS)
BAGI KAUNTER BAHAGIAN
PENDAFTARAN,



DI TINGKAT BAWAH,
JABATAN TANAH.

TARIKH TUTUP :
SELASA, 15 DISEMBER 2020,
JAM 2.00 PETANG


KEMENTERIAN PERTAHANAN
TAWARAN NO. :
MINDEF / DFA / 2020 / LB / TA / 058
**PURCHASE OF METAL 3D
PRINTER WITH ACCESORIES
AND CONSUMABLES**
TARIKH TUTUP :
SELASA, 8 DISEMBER 2020,

TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG

**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**
**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS : IV, V & VI
KATEGORI : E01**
BILANGAN TAWARAN :
JKR / DME / 29 / BPB / 2020
NAMA PROJEK :
**KERJA-KERJA PENGGANTIAN
MAIN SWITCH BOARD (MSB) DI
ROYAL BRUNEI CATERING
(RBC) SUBSTATION,
JALAN KUSTIN**
TARIKH TUTUP :
22 DISEMBER 2020 (SELASA),

**TIDAK LEWAT
DARI JAM 2.00 PETANG**

**UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT
DIVISIEN PENGURUSAN KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**
1. BIL. SEBUT HARGA :
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2020 / Q29
**SUPPLY, DELIVERY AND
INSTALLATION OF DESKTOP PC
FOR DEPARTMENT OF WATER
SERVICES, PUBLIC WORKS
DEPARTMENT**
2. BIL. SEBUT HARGA :
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2020 / Q30
**SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION, CABLING,
TESTING AND COMMISSIONING
OF IT EQUIPMENT FOR
AUTHORITY OF BUILDING
CONTROL AND CONSTRUCTION
INDUSTRY (ABCi), MINISTRY OF
DEVELOPMENT MEETING ROOMS**

Tarikh Tutup :
**Isnin, 7 Disember 2020
Jam : sebelum 9.00 Pagi**

**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**
**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN
BELIA DAN SUKAN**
BIL. (15) JBS / ADM / UP / 2020
**1. BIL TAWARAN
(94) JBS / ADM / QC / 2020**
**KETERANGAN
PEMASANGAN SPIKES BURUNG
BAGI
MENGATASI MASALAH NAJIS
BURUNG YANG MENGOTORI
BEBERAPA KAWASAN BANGUNAN**
**2. BIL TAWARAN
(100) JBS / ADM / QC / 2020**
**KETERANGAN
GENERAL BUILDING TERM
MAINTENANCE FOR A PERIOD OF
TWENTY FOUR (24) MONTHS FOR
1. HOCKEY STADIUM,
HASSANAL BOLKIAH NATIONAL
STADIUM COMPLEX
2. ONG SUM PING GRANDSTAND**
**3. BIL TAWARAN
(101) JBS / ADM / QC / 2020**
**KETERANGAN
GENERAL BUILDING TERM
MAINTENANCE FOR
1. ANGGEREK DESA FLAT
(BLOCK C2 & C3)
2. ANGGEREK DESA
SWIMMING POOL**
**3. UNIT KENDERAAN, JABATAN
BELIA DAN SUKAN
4. BIL TAWARAN
(103) JBS / ADM / QC / 2020**
**KETERANGAN
KELENGKAPAN PERALATAN
PUSAT PERUBATAN DAN
PENYELIDIKAN SUKAN, JABATAN
BELIA DAN SUKAN.
A. TUALA BERUKURAN 51'X26'
- 100% COTTON JENIS TEBAL
- WARNA GREY
YURAN TAWARAN BND 10.00**
Tarikh Tutup :
**Selasa,
8 Disember 2020 /
22 Rabiulakhir 1442
[Tidak Lewat Jam 9.00 Pagi]**

**JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK
KEMENTERIAN TENAGA**
**JEMPUTAN UNTUK MEMBERI
TAWARAN
JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
KEMENTERIAN TENAGA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
**1. BILANGAN TAWARAN :
JPE / LTK / KOP / 027 / 2020**
**TAJUK TAWARAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF
25 SQ MM / 4C / XLPE / SWA / PVC -
LV CABLE**
**2. BILANGAN TAWARAN :
JPE / LTK / KOP / 028 / 2020**
**TAJUK TAWARAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF
35 SQ MM / 4C / XLPE / SWA / PVC -**
**3. BILANGAN TAWARAN :
JPE / LTK / KOP / 029 / 2020**
**TAJUK TAWARAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF
25 SQ MM / 4C - AERIAL BUNDLE
CABLE**
**TARIKH TUTUP :
8 DISEMBER 2020 / SELASA
(JAM 2.00 PETANG)**

**JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK
KEMENTERIAN TENAGA**
**JEMPUTAN UNTUK
MEMBERI TAWARAN
JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
KEMENTERIAN TENAGA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
**BILANGAN TAWARAN :
JPE / LTK / PDP / 035 / 2020**
**TAJUK TAWARAN :
PROVISION OF SECURITY
GUARDS SERVICES 66 / 11KV
SUBSTATION STATEWIDE, OVER**
**A PERIOD OF TWO YEARS
(RECALL)**
**TARIKH TUTUP :
8 DISEMBER 2020 / SELASA
(JAM 2.00 PETANG)**

**JABATAN KASTAM
DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**
**JABATAN KASTAM
DAN EKSAIS DIRAJA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
TAWARAN KASTAM 25 / 2020
**TAWARAN PERKHIDMATAN
CUBE
IBU PEJABAT KASTAM
DAN EKSAIS DIRAJA,
JALAN MENTERI BESAR,**

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
**TARIKH TUTUP :
Selasa, 8 Disember 2020,
jam 2.00 Petang**



Didik anak-anak hargai khazanah negara sendiri

APABILA tiba sahaja musim cuti sekolah, pasti menjadi satu masa yang sekian lama dinanti-nantikan oleh anak-anak, namun sebaliknya menjadi satu masa bagi ibu bapa untuk memikirkan bagaimana ingin memastikan musim cuti sekolah anak-anak mereka dipenuhi dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah. Apa Pendapat Biskita pada kali ini turut mendapatkan pandangan daripada orang ramai mengenai percutian persekolahan dan perkara-perkara yang patut dilakukan bersama keluarga dan anak-anak.

"Dewasa ini, kebanyakan ibu bapa mempunyai kerjaya masing-masing dan kesibukan bekerja membuatkan mereka kurang menghabiskan masa dengan anak-anak. Seharusnya selaku ibu bapa atau penjaga kepada anak-anak, mereka hendaklah menyiapkan sesuatu yang berfaedah terutama apabila tibanya musim cuti persekolahan agar masa yang terluang tidak disia-siakan. Antara strategi yang boleh dilakukan oleh ibu bapa agar anak-anak mendapat faedah daripada cuti sekolah yang panjang seperti contoh termasuklah menghantar anak-anak ke kem keagamaan kerana ianya lebih menekankan kepada hal ehwal agama Islam seperti pengajaran Al-Quran, sirah, ibadah dan akidah Islam. Hasilnya, anak-anak akan lebih terdedah dengan ilmu-ilmu agama, seterusnya membina jati diri yang lebih kental, jelaslah di sini, bahawa menghantar anak-anak ke kem keagamaan mampu menjadikan cuti persekolahan anak-anak lebih bermakna".

- Haji Sulaiman bin Shahbudin, Tungku.

"Pada pendapat saya, cuti persekolahan yang panjang merupakan masa terbaik untuk para ibu bapa memberikan perhatian dan kasih sayang terhadap anak-anak dan seharusnya merebut peluang cepemas ini dengan meluangkan masa bersama-sama mereka iaitu membawa anak-anak melancong ke destinasi-destinasi yang berfaedah, misalnya ke daerah-daerah yang sebelum ini tidak pernah diterokai oleh anak-anak kita terutama di kawasan yang jauh dari ibu kota seperti membawa mereka ke Daerah Temburong yang kini semakin mendapat perhatian orang ramai sekali gus melakukan aktiviti riadah seperti berkhemah. Mungkin juga ibu bapa boleh membawa anak-anak ke tempat-tempat bersejarah yang terdapat di negara kita, antaranya Muzium Kota Batu, Pusat Sejarah atau menelusuri Sungai Brunei sambil menyaksikan keindahan Kampong Ayer dengan mengikuti kapal persiaran yang terdapat di negara kita dan ini sekali gus mampu menjadikan momen berkenaan sebagai lawatan sambil belajar untuk anak-anak, hal ini kerana, sesetengah ibu bapa inginkan anak-anak mereka mendapat ilmu setiap kali mereka melangkahkan kaki keluar dari rumah. Bagi saya, lokasi sebeginilah yang lebih menyeronokkan dan menimba pengalaman baru. Sememangnya pengalaman konsep lawatan sambil belajar bersama anak-anak dan ibu bapa tersebut dapat membantu dalam memastikan musim cuti sekolah anak-anak diisi dengan perkara yang berguna". - Azizi HR, Rimba.

Secara tuntasnya, pada pendapat saya pula selaku penulis ruangan ini, cuti persekolahan anak-anak wajar untuk dipenuhi dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah. Musim cuti sekolah bukanlah masa untuk berehat dan bersantai semata-mata, kerana pada masa inilah anak-anak perlu lebih fokus kepada pembelajaran. Kesibukan kerja bukanlah alasan untuk tidak meluangkan masa dengan anak-anak. Sekali sekala bawalah anak-anak ke destinasi-destinasi pelancongan yang ada di negara kita, jika selama ini setiap cuti persekolahan yang panjang kita lebih banyak menghabiskan masa kita membawa anak-anak dan keluarga ke luar negara sambil beristirahat, kini dengan suasana pandemik COVID-19 melanda dunia dan tidak mengehendaki kita untuk keluar negara disebabkan bahaya COVID-19 yang melanda dunia, justeru, inilah juga peluang yang patut kita rebut membawa anak-anak dan keluarga melancong di negara sendiri, dan saya percaya kehebatan industri pelancongan negara kita sendiri juga tidak kurang hebat dan uniknya berbanding negara luar. Kerana itu, adalah lebih baik jika anak-anak kita ini 'disuapkan' dengan ilmu dan pengalaman baharu yang lebih bermanfaat dengan meneroka keindahan yang ada di negara sendiri untuk mereka lebih mengetahui dan menghargai kehebatan khazanah dan warisan yang ada di negara kita ini.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke :
pelita.brunei@information.gov.bn

i. Faedah Dan Kelebihan Melancong Dalam Negara.
ii. Hargai Sumbangan Pekerja Awda.



baru-baruan bermaksud berubah perangai atau sikap daripada kebiasaannya.
Contoh pemakaian kata : **baru-baruan** ia mambawa kadiaku naik matukanya, mun daulu jangan arap.

biut bermaksud tidak lurus tentang potongan atau susunan sesuatu.
Contoh pemakaian kata : lurus-lurus manggunting atau, jaga **biut**.

bubus bermaksud berlubang atau mempunyai lubang.
Contoh pemakaian kata :

- a. bagaraian baras dibawanya ani, rupanya guni atau **bubus**.
- b. rupanya **bubus** daram ani, padantah sia-sia tuhus aing bagas kumanakung tadi pagi atu.
- c. **bubus** pintu dapur atau bagas ditarajangnya.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



KAMPUNG PANDAN 'B'



Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

AYAM MASAK ASAM KUNYIT ALA NANNY

BAHAN-BAHANNYA :

1 ekor ayam (dipotong sederhana besar dan dicuci)
2 sudu makan serbuk kunyit
2 batang serai (dititik)
Garam dan serbuk perasa (secukupnya)
Stok ayam
Asam kulit (mengikut selera)
Minyak untuk mengoreng ayam

BAHAN DIKISAR

2 biji bawang bombay (sederhana besar)
4 ulas bawang putih
1 inci lengkuas
1 1/2 inci halia
2 batang serai
1 inci kunyit hidup
Lada (jika hendak pedas)

CARA MEMBUATNYA :

Ayam yang telah dipotong dan dicuci tadi digaul bersama garam dan serbuk kunyit. Setelah

sebati, gorenglah ayam berkenaan hingga separuh masak dan ketepikan.

Bahan-bahan yang sudah dikisar tadi hendaklah ditumis hingga garing. Kemudian masukkan ayam dan gaul perlahan-lahan.

Setelah itu, masukkan serai dan asam kulit. Biarkan hingga masak dan barulah masukkan garam, serbuk perasa juga stok ayam mengikut selera masing-masing.

Membaca Al-Qur'an : Pelihara adab-adabnya

KELUARAN KEDUA

11. Hendaklah membaca al-Qur'an secara *tartil* iaitu membaca secara perlahan, tersusun dan cantik aturan bacaan.

Para ulama sepatutnya membaca al-Qur'an secara *tartil* adalah sunat. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala :

Tafsirnya : "Dan bacalah al-Qur'an secara *tartil* (teratur dan jelas)".

(Surah al-Muzammil: 4)

Membaca al-Qur'an hendaklah secara perlahan dan jelas bacaannya iaitu dengan menyebut semua huruf-hurufnya dengan jelas. Bacaan yang jelas ini tidak akan berlaku sekiranya terburu-buru dalam pembacaan. Membaca al-Qur'an dengan menyempurnakan sebutan setiap huruf-hurufnya dinamakan oleh ahli Qur'a' sebagai bertajwid dalam bacaan al-Qur'an.

Beginilah juga cara Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam sendiri ketika membaca al-Qur'an. Telah tsabit daripada Ummu Salamah Radhiallahu 'anhya, ketika beliau ditanyakan mengenai cara bacaan al-Qur'an Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam. Beliau lalu menyifatkan bahawa bacaan Baginda Shallallahu 'alaihi wasallam ialah bacaan yang jelas pada satu persatu hurufnya.

Menurut Imam ar-Razi Rahimahullah, penggunaan perkataan *tartil* dan pengulangannya dalam Surah al-Muzammil ayat 4, menguatkan lagi suruhan untuk membaca al-Qur'an secara *tartil*. Oleh itu, membaca secara *tartil* hendaklah dilaksanakan oleh para qari' (pembaca) al-Qur'an.

Membaca al-Qur'an dengan *tartil* dapat membantu dalam memahamkan ayat-ayat al-Qur'an dan *tadabbur* (merenung) akan isi kandungan serta makna ayat-ayat al-Qur'an tersebut. Begitu juga menurut ulama, bacaan secara *tartil* juga disunatkan bagi orang 'ajamiy (selain daripada orang Arab) yang tidak faham akan makna ayat-ayat yang dibacanya kerana dengan cara ini akan lebih dekat membawanya kepada berlaku sopan dan menghormati al-Qur'an serta mampu memberi kesan yang mendalam kepada hati dengan bacaannya secara *tartil* itu. Maka inilah antara maksud atau tujuan daripada bacaan secara *tartil* iaitu menghadirkan hati dan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala.

12. Disunatkan bagi orang yang membaca al-Qur'an apabila membaca ayat-ayat yang berkaitan dengan rahmat agar berdoa untuk memohon rahmat dan belas kasihNya. Manakala apabila membaca ayat-ayat yang berkaitan azab, maka sunat berdoa untuk memohon perlindungan Allah Subhanahu wa Ta'ala daripada segala keburukan dan azab. Atau membaca doa sebagaimana berikut :

اللهم إني أستألك المتعة من كل ممكورة

Maksudnya : Ya Allah Ya Tuhanku, aku memohon kepadaMu keselamatan dari segala perkara-perkara yang tidak diingini.

Begitu juga jika membaca ayat-ayat yang berkaitan dengan mensucikan dan mengagungkan Allah Subhanahu wa Ta'ala, maka hendaklah mensucikannya dan mengagungkannya, antaranya dengan menyebut :

تبارك وتعالى

yang bermaksud Maha Suci Allah Yang Maha Agung.

Diriwayatkan daripada Hudzaifah bin al-Yaman Radhiallahu 'anhya, beliau menceritakan bahawa pada suatu malam, beliau mendirikan sembahyang bersama Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam. Beliau menjelaskan bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam membaca bacaan surah-surah dalam sembahyang secara perlahan-lahan. Katanya :

Maksudnya : "Baginda membaca (aya) al-Qur'an secara perlahan-lahan. Apabila Baginda membaca ayat-ayat tasbih, maka Baginda bertasbih. Apabila Baginda membaca ayat-ayat memohon sesuatu permintaan (doa), maka Baginda berdoa. Apabila Baginda membaca ayat-ayat perlindungan, maka Baginda meminta perlindungan Allah".

(Hadits riwayat Muslim)

13. Disunatkan membaca surah-surah al-Qur'an secara *tartib*. Menurut ulama adalah lebih utama membaca al-Qur'an secara *tartib* iaitu dengan mengikut urutan (surah-surah) dalam mushaf. Maka hendaklah seseorang itu membaca surah al-Fatiyah kemudian surah al-Baqarah kemudian surah ali-'Imran kemudian surah selepasnya secara *tartib*.

Disunatkan membaca secara *tartib* ini sama ada dilakukan di dalam sembahyang atau luar sembahyang. Sebahagian ulama Syafi'i berpendapat bahawa jika pada raka'at pertama yang dibaca adalah surah an-Nas (selepas membaca surah al-Fatiyah), maka pada raka'at kedua dibaca ayat-ayat dari surah al-Baqarah selepas surah al-Fatiyah.

Walau bagaimanapun apabila surah yang dibaca tidak secara *tartib*, sebagai contoh membaca satu surah dan kemudiannya membaca surah sebelumnya, maka perkara ini diperbolehkan. Namun terdapat juga para ulama yang tidak menyukai pembacaan secara demikian.

Manakala pembacaan al-Qur'an dengan membaca satu surah bermula dari akhir ayat sehingga awal ayat surah tersebut, maka yang sedemikian amatlah dilarang. Ini kerana dengan pembacaan sedemikian menghilangkan sebahagian unsur kemukjizatan al-Qur'an serta menghilangkan hikmah tartib ayat-ayat al-Qur'an sebagaimana disebut dalam Kitab at-Tibyan fi Adab Hamalah al-Qur'an karangan Imam an-Nawawi Rahimahullah.

Adapun berkaitan dengan pendidikan kanak-kanak iaitu membaca al-Qur'an yang bermula dari surah akhir kemudian ke awal surah dalam mushaf, maka pembacaan yang demikian adalah baik dan tidaklah termasuk dalam perkara larangan sebagaimana di atas. Ini kerana surah-surah pada akhir mushaf adalah bacaan yang berpisah-pisah dan mudah bagi kanak-kanak untuk menghafalnya.

14. Pada beberapa keadaan, *afdal* meninggikan suara ketika membaca al-Qur'an. Dalam beberapa keadaan pula,

afdal membaca al-Qur'an dengan suara yang rendah.

Banyak hadits-hadits yang menunjukkan tentang hukum sunat meninggikan suara ketika membaca al-Qur'an. Begitu juga terdapat *atsar* yang menunjukkan tentang hukum sunat merendahkan suara ketika membaca al-Qur'an.

Semua ini bergantung kepada individu dan keadaan pada ketika itu. Jika seseorang itu takut menimbulkan *riya'* di dalam hatinya, maka *afdal* baginya membaca al-Qur'an dengan suara yang rendah.

Jika sekiranya tidak timbul *riya'*, maka *afdal* membaca al-Qur'an dengan suara nyaring dan tinggi dengan syarat tidak mengganggu orang lain yang sedang bersembahyang atau tidur atau yang selainnya. Ini kerana membaca dengan nyaring atau meninggikan suara lebih banyak usaha, melangkaui faedahnya kepada para pendengar, membangunkan hati orang yang mengingati (Allah Subhanahu wa Ta'ala) berkumpul kesungguhannya untuk memikirkan apa yang ada di dalam al-Qur'an, membawa orang lain untuk mendengar bacaannya, menghilangkan mengantuk, meningkatkan kecergasan, membangunkan orang yang mengantuk atau orang yang lalai lantas mencergaskannya.

15. Disunatkan mencantikkan dan mengelokkan suara ketika membaca al-Qur'an. Yang sedemikian ini disepakati para ulama salaf dan selepas mereka dari kalangan sahabat, tabi'in dan ulama-ulama selepas mereka.

Diriwayatkan daripada al-Bara' Radhiallahu 'anhya, beliau berkata :

Maksudnya : "Aku mendengar Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam membaca ﴿سُبْحَانَ رَبِّنَا﴾ di dalam sembahyang Isya', dan aku tidak pernah mendengar suara atau bacaan seseorang yang lebih indah (baik) daripada (suara dan bacaan) Baginda".


(Hadits riwayat al-Bukhari)

Para ulama Rahimahullah berkata bahawa disunatkan mencantikkan atau memperlokkan suara ketika membaca al-Qur'an selama tidak melampaui batas. Maka apabila cuai sehingga menambah huruf atau menghilangkan huruf, maka yang demikian itu adalah haram.

16. Sunat hukumnya membaca al-Qur'an secara berkumpulan berdasarkan dalil-dalil yang jelas serta perbuatan para ulama *salaf* dan *khalaf*.

Dalam sebuah hadits yang diriwayatkan dari Abu Hurairah Radhiallahu 'anhya,

SELAIN itu, termasuk perbuatan yang dihindari ketika membaca al-Qur'an adalah bermain-main dengan tangan atau bermain-main dengan selainnya. Ini kerana sesungguhnya orang yang membaca al-Qur'an adalah sedang bermunajat kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala, maka dia tidak bermain-main ketika di hadapanNya. Begitu juga termasuk perbuatan yang dihindari adalah melihat apa-apa yang melalaikan dan menganggu fikiran (konsentrasi). Perbuatan paling buruk adalah memandang kepada sesuatu yang tidak boleh dipandang atau yang dilarang oleh syara' untuk dipandang.



Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : mufti@brunet.bn - fatwa@brunet.bn

Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

Maksudnya : "Tidak berkumpul suatu kaum dalam satu rumah dari rumah-rumah Allah (masjid-masjid), mereka itu membaca kitab Allah (al-Qur'an), dan saling bertadarus (membaca dan memerdengarkan bacaan) di antara mereka, kecuali akan turun ke atas mereka ketenangan, dan diliputi dengan rahmat, dan dikelilingi para malaikat dan Allah Ta'ala akan menyebut-nyebut mereka kepada siapa yang dekat di sisiNya (malaikat)".

(Hadits riwayat Muslim)

Membaca cara berkumpulan yang dimaksudkan adalah sekelompok orang yang berkumpul, contohnya sebahagian dari mereka membaca sepersepuluh muka surat atau membaca satu juz kemudian diam, lalu sebahagian yang lain lagi (yang sebelumnya mendengar bacaan) menyambung bacaan tersebut bermula dari berhentinya bacaan orang yang sebelumnya. Cara bacaan sedemikian adalah dibolehkan dan elok. Imam Malik Rahimahullah ditanyakan mengenai cara pembacaan sedemikian, maka beliau menjawab : "Yang demikian tidak mengapa".

17. Ditutut kepada pembaca-pembaca al-Qur'an untuk memuliakan al-Qur'an dan ini merupakan adab utama yang perlu dijaga. Iaitu memuliakannya daripada berlakunya perkara-perkara bermudah-mudah ketika membaca al-Qur'an oleh sebahagian pembaca-pembaca al-Qur'an yang lalai yang membaca secara berkumpulan. Antaranya menjauhi ketawa terbahak-bahak, bermain-main, bercakap-cakap di tengah-tengah pembacaan al-Qur'an kecuali jika dia terpaksa bercakap atas perkara-perkara yang tidak dapat dielak.

Selain itu, termasuk perbuatan yang dihindari ketika membaca al-Qur'an adalah bermain-main dengan tangan atau bermain-main dengan selainnya. Ini kerana sesungguhnya orang yang membaca al-Qur'an adalah sedang bermunajat kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala, maka dia tidak bermain-main ketika di hadapanNya.

Begitu juga termasuk perbuatan yang dihindari adalah melihat apa-apa yang melalaikan dan menganggu fikiran (konsentrasi). Perbuatan paling buruk adalah memandang kepada sesuatu yang tidak boleh dipandang atau yang dilarang oleh syara' untuk dipandang.

Penutup

Begitulah antara beberapa adab sebelum dan ketika membaca al-Qur'an serta sedikit penjelasan berkaitan dengan pembacaan al-Qur'an. Maka sayugialah adab-adab ini diberi perhatian dan tidak diabaikan ketika hendak membaca al-Qur'an bagi mendapat ganjaran pahala dari Allah Subhanahu wa Ta'ala. Paling utama, bacalah al-Qur'an dengan niat yang bersih, keadaan diri yang bersih, di tempat yang bersih serta tenang dengan pembacaan secara *tartil* dan tidak mempercepat atau bergegas-gegas membaca al-Qur'an sehingga menyebabkan bacaan tidak jelas atau merubah makna. Jika perkara ini berlaku pasti pahala tidak akan diperolehi.

منجو كريضاعن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلو لأن فوسة دعوه اسلاميه

ISLAM merupakan satu usaha dalam merawat penyakit yang berasaskan wahyu Allah Subhanahu Wata'ala yang dipetik daripada sumber utama iaitu Al-Quran dan as-Sunnah yang juga diamalkan oleh Junjung Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Kaedah perubatan Islam atau mudah dikenali dengan perubatan tradisional juga satu jalan bagi seorang pesakit dalam mencari kesembuhan penyakit serta permasalahan emosi atau rohani yang sedang dihadapi. Allah Subhanahu Wata'ala memerintah setiap hamba-Nya berusaha mencari penawar bagi setiap penyakit yang dihadapi sama ada zahir maupun batin. Usaha tersebut merupakan satu ibadah bagi seorang Muslim yang mencari keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Israa', ayat 82 yang tafsirnya :

"Dan Kami turunkan daripada Al-Quran suatu penawar (bagi penyakit rohani dan jasmani) dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan Al-Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim (orang-orang kafir) selain kerugian".

Ayat-ayat Al-Quran boleh digunakan untuk menangani penyakit mental yang berkaitan dengan hati, jiwa dan roh seperti kejadian, kesesatan dan sebagainya. Kesejahteraan fizikal berkait rapat dengan kesejahteraan hati.

Dalam Surah Fushshilat ayat 44, Allah Subhanahu Wata'ala berfirman yang tafsirnya :

"Katakanlah (wahai Nabi Muhammad) :

Al-Quran penawar jiwa dan raga

"Al-Quran itu menjadi petunjuk serta penawar bagi orang-orang yang beriman, dan ada pun orang-orang yang tidak beriman, (Al-Quran itu) menjadi penyumbat telinga mereka dan juga merupakan kegelapan yang mengaburi (pandangan) mereka. Mereka itu (seumpama) orang-orang yang diseru dari tempat yang jauh".

Ayat-ayat Al-Quran itu sebagai penawar. Ianya tiada terhad kepada ayat-ayat mahupun surah tertentu sahaja, malah keseluruhan Al-Quran itu adalah ubat atau penawar. Al-Quran itu Kalamullah (Kata-Kata Allah) dan Dia yang Maha Berkuasa ke atas semua. Dengan rahmat dan kuasa-Nya juga boleh menyembuhkan segala pelbagai penyakit. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Asy-Syu'ara, ayat 78 - 80 yang tafsirnya :

"Tuhan yang menciptakan aku maka Dialah yang mengurniakan hidayah kepadaku. Dan Dialah yang memberi aku makan dan minum. Dan jika aku sakit maka Dialah yang menyembuhkan aku".

Tiada kesembuhan semata-mata dan juga tiada 'afiat' dan kesihatan melainkan yang datang daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Yunus, ayat 107 yang mafhumnya :

"Dan jika Allah menimpakan engkau dengan sesuatu kemudaratuan maka tidak ada sesiapa pun yang akan dapat menghapuskan melainkan Dia dan jika Dia menghendaki sesuatu kebaikan bagimu, maka tidak akan sesiapa pun yang dapat menolak limpah kurnia-Nya. Dia melimpahkan kurnia-Nya itu kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dari kalangan

hamba-hamba-Nya. Dan adalah Dia Maha Pengampun lagi Maha Pengasih".

Setiap penyakit tu pasti ada ubatnya. Allah Subhanahu Wata'ala menjadikan penyakit dan juga penawarnya. Setiap sesuatu yang terjadi pada manusia tu mempunyai sebab-sebab yang tertentu yang dikaitrapatkan dengan perbuatan atau tingkah laku seseorang. Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan Rasul-Nya, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam agar memberitahu kepada sesiapa yang bertanyakan mengenai roh, bahawa roh itu adalah urusan Allah Subhanahu Wata'ala. Setiap sesuatu yang menimpah manusia termasuk penyakit dan permasalahan mempunyai sebab musabab. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Israa', ayat 85 yang mafhumnya :

"Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Nabi Muhammad) tentang (hakikat) roh. Katakanlah : "Roh itu adalah daripada urusan Tuhanmu dan kamu tidak dikurniakan ilmu pengetahuan melainkan hanya sedikit sahaja".

Ada satu kisah di mana berdoa dan zikir itu juga sebagai penyembuh penyakit. Kisah itu mengenai Nabi Ayub 'alaihissalam yang mendapat ujian daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sakit yang amat menderita. Amat luar biasa penyakitnya sehingga sampai tahap kemuncak penderitaan, lalu Nabi Ayub 'alaihissalam bermunajat, merendah diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Anbiyyaa, ayat 83 yang tafsirnya :

"Dan (ingatlah kisah) Nabi Ayub ketika dia berdoa kepada Tuhanmu : "(Ya Tuhanmu)! Sesungguhnya aku ditimpah penyakit

dan Engkau adalah Maha Pengasih daripada sekalian yang pengasih".

Lalu dengan itu Allah Subhanahu Wata'ala berfirman lagi dengan ayat seterusnya yang mafhumnya :

"Maka Kami perkenankan doanya lalu Kami hapuskan penyakit yang menimpanya, serta Kami kurniakan kembali kepadanya sejumlah keluarganya seperti sebelumnya dan bahkan Kami lipat gandakan bilangan mereka sebagai suatu rahmat dari sisi Kami dan peringatan bagi orang-orang yang sentiasa beribadat kepada Kami".

Maka dari ayat tersebut seseorang yang sakit mahupun sihat digalakkan untuk memperbanyakkan doa serta zikir kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan memohon secara bermunajat dan keyakinan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala mengabulkan doanya dengan kesembuhan.

Kesimpulannya Kalamullah iaitu Al-Quran adalah penyembuh paling sempurna bagi semua penyakit jiwa, tubuh badan dan meliputi segala penyakit. Bukan sahaja sekadar penyembuh malahan juga sebagai pelindung atau pemelihara diri sendiri. Al-Quran sebagai wahyu Allah tidak sekali-kali akan lapuk dan binasa kerana kedudukannya yang agung dan suci serta mulia di sisi-Nya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Hasyr, ayat 21 yang tafsirnya :

"Kalaularah Kami turunkan Al-Quran ini ke atas sebuah gunung itu tunduk terpecah belah kerana takutkan Allah. Dan perumpamaan-perumpamaan itu Kami buat untuk manusia supaya mereka berfikir".

MINDA PEMBACA

Rasuah pemusnah negara dan bangsa

RASUAH adalah memberi atau menerima apa juu kepuasan atau ganjaran dalam bentuk wang tunai atau balasan yang bernilai tinggi untuk melaksanakan tugas yang berkaitan. Ia juga menjadi larangan di dalam agama maupun kesalahan jenayah undang-undang negara jika didapati bersalah.

Gejala jenayah rasuah ini juga tidak mengenal usia, pangkat dan bangsa. Sesebuah negara maupun kerajaan itu haruslah bebas daripada jenayah rasuah. Tanpa rasuah segala urusan pembangunan dapat berjalan dengan lancar. Keadilan dan kesaksamaan

dalam masyarakat juga akan dapat dipertahankan dan semua rakyat tanpa mengira kedudukan dan bangsa akan hidup dengan aman.

Ini adalah disebabkan impak daripada gejala rasuah akan melumpuhkan dalam pelbagai pertadbiran negara dan kerajaan. Kemajuan negara itu juga akan menyebabkan kemerosotan serta mengakibatkan ekonomi yang tidak stabil. Gejala rasuah juga mendorong seseorang itu melakukan jenayah dan kesalahan yang lain seperti tidak amanah, menyalahgunakan jawatan untuk kepentingan peribadi,

penyelewengan dan pemalsuan wang atau dokumen, penyeludupan dan lain-lain lagi. Ia juga menjadi acaman besar buat keselamatan negara.

Antara faktor mengakibatkan rasuah ini berleluasa adalah masalah peribadi iaitu tamak dan kurangnya keimanan serta takwa. Seperti contoh, apabila seseorang itu mudah terpengaruh dan telah menerima rasuah disebabkan ingin mengatasi permasalahan peribadi seperti kekurangan atau kesempitan wang. Secara tidak langsung dia adalah penerima rasuah yang telah diambil kesempatan daripada si

pemberi rasuah. Kerakusan daripada kekuasaan manusia itu sendiri menyebabkan individu, masyarakat, bangsa atau negara kepada bencana keruntuhan tamadun.

Oleh yang demikian, langkah kerajaan dalam membendung gejala rasuah wajar disokong oleh semua pihak dengan melaporkan kepada pihak berwajib, ini adalah disebabkan rasuah pemusnah bangsa dan negara.

Nama : Muhammad Hifni bin Saini
No. Kad Pengenalan : 01-049045

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Sederhana Dalam Berbelanja Jauhi Pembaziran'. Tarikh Tutup : 2 Disember 2020
2. 'Manfaatkan Cuti Persekolah Dengan Bijak'. Tarikh Tutup : 9 Disember 2020
3. 'Penulisan Kreatif Kembangkan Daya Pemikiran'. Tarikh Tutup : 16 Disember 2020

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarap jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nomor kad pengenalan, alamat lengkap dan nomor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



AIDS : Beri mereka sokongan moral dan semangat

HARI AIDS Sedunia disambut pada 1 Disember setiap tahun untuk memupuk kesedaran mengenai wabak AIDS yang disebabkan oleh jangkitan HIV. Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit atau lebih dikenali sebagai AIDS (Acquired Immune Deficiency Syndrome) ialah satu penyakit serius disebabkan oleh virus HIV (Human Immunodeficiency Virus).

AIDS disebabkan oleh virus HIV yang menyerang dan memusnahkan daya ketahanan badan. Seseorang individu mendapat AIDS apabila virus HIV merosakkan sistem pertahanan tubuh badan. Sistem pertahanan badan yang tidak berfungsi menjadikan individu mudah dijangkiti bakteria dan virus-virus lain yang boleh menyebabkan sakit teruk.

Penyakit itu mula dikenal pasti pada awal tahun 1980-an. Kes pertama yang dikenal pasti sebagai AIDS berlaku di Amerika Syarikat pada awal tahun 1980-an. Manakala Kes HIV tempatan pertama dikesan pada tahun 1986. Riben Merah ialah lambang perpaduan sedunia bersama penghidap HIV-positif dan AIDS.

Kesedaran mengenai penyakit ini perlu dibarangkan agar orang ramai tahu mengenai bahaya penyakit ini. Masyarakat perlu didehdahkan mengenai bahaya, risiko dan kesan jangkitan HIV / AIDS.

Antara penyebab AIDS boleh merebak ialah melalui hubungan kelamin yang tidak selamat (tanpa perlindungan) dengan orang yang dijangkiti; menggunakan semula jarum / alat tajam atau picagari yang telah digunakan oleh seseorang yang dijangkiti HIV; ibu yang dijangkiti HIV kepada bayinya semasa kehamilan, proses kelahiran atau melalui penyusuan susu ibu; dan penerimaan transfusi darah yang telah dijangkiti virus HIV. Kegiatan seks di luar tabii juga boleh menimbulkan risiko terkena HIV. Lelaki yang mempunyai hubungan seks dengan lelaki yang tidak dilindungi lebih berisiko tinggi. Majoriti penghidap AIDS ialah dalam kalangan kumpulan utama: lelaki homoseksual, banduan penjara, penyalahgunaan dadah, pekerja seks, dan golongan transgender.

Kunci untuk menghapuskan ancaman ini

ialah memahami bahawa HIV boleh dicegah. Pencegahan boleh dilaksanakan dengan menjalani kehidupan sihat. Amalkan gaya hidup sejahtera dan bantu mereka yang kurang bernasib baik. Mereka yang terkena jangkitan HIV perlu diberi sokongan, motivasi agar mereka lebih bersemangat untuk meneruskan kehidupan dengan lebih bermakna lagi. Tanpa menghukum, mereka perlu diberikan peluang kedua untuk berubah.

Pada masa yang sama, pendidikan dan pembudayaan gaya hidup yang sihat dan sejahtera hendaklah dipupuk sejak di bangku sekolah. Pendidikan agama sangat penting supaya kita tahu baik dan buruk sesuatu perkara yang dilakukan. Kita sangat bertuah kerana di Negara Brunei Darussalam masih kaya dengan nilai agama dan moral serta adab ketimuran. Ia boleh menjadi benteng yang utuh dalam mencegah masyarakat daripada jangkitan HIV / AIDS. Sebagai sebuah negara yang dikenali sebagai Negara Zikir, dan menjadikan falsafah Melayu, Islam, Beraja sebagai sukat-sukat hidup bernegara, beragama dan berbudaya setentunya akan dapat melindungi kita daripada gejala-gejala yang kurang sihat seperti kegiatan sosial yang boleh menjerumuskan kita ke dalam kancan kehidupan yang tidak bermoral.

Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam (BDAIDSCOUNCIL) juga banyak memainkan peranan dalam Pendidikan pencegahan jangkitan AIDS seperti mengadakan forum-forum mengenai AIDS. BDAIDSCOUNCIL bertujuan untuk mendidik masyarakat tentang HIV dan AIDS agar dapat mengetahui dan menjalani kehidupan yang lebih sihat, dengan pelbagai aktiviti termasuk Penubuhan Kelab Penyinar, bahagian belia BDAIDSCOUNCIL yang memberi motivasi kepada anggota belia dan pemuda lain untuk mengamalkan cara hidup sihat dan positif. Selain itu ianya juga bertujuan untuk menjangkau sebanyak mungkin belia mengenai perkara berkaitan HIV / AIDS untuk pencegahan HIV dan AIDS; dan untuk menyebarkan kesedaran mengenai HIV, AIDS dan isu-isu berkaitan, terutama

dalam kalangan belia di Negara Brunei Darussalam.

Kekhuatiran Mengenai AIDS

Persoalan mengenai penyakit AIDS ini memang sudah dari dahulu lagi dibincangkan. Pelbagai soalan yang masih menjadi fikiran apabila seseorang itu terkena jangkitan HIV. Antaranya seperti persoalan bagaimana penyakit tersebut berjangkit, bagaimana mengetahui seseorang itu terkena jangkitan tersebut, adakah melalui makanan, pakaian atau sentuhan? Soalan-soalan ini sering berlebar di minda masyarakat sehingga membuatkan perasaan takut dan enggan untuk bergaul dengan mereka yang terkena jangkitan tersebut. Kadang-kadang perasaan jijik dan takut untuk bergaul bahkan untuk berada dalam satu tempat juga membolehkan perasaan waswas akan kemungkinan penyakit tersebut boleh berjangkit.

Jika awda masih dalam situasi tersebut, jijik, waswas dan berfikiran negatif terhadap pesakit AIDS, awda sebenarnya masih gagal dalam membantu membanteras jangkitan HIV / AIDS. Mengapa? Pengetahuan mengenai AIDS seharusnya menjadikan kita lebih bersympati kepada mereka dan bukannya menghukum dengan menjauhkan diri daripada mereka. Perkara utama yang perlu diambil perhatian ialah stigma masyarakat kepada mereka.

Dalam kebanyakan situasi, pesakit AIDS ini sering menghadapi stigma dan diskriminasi dalam kalangan masyarakat disebabkan perbezaan budaya dan norma setempat serta undang-undang. Kesannya, kehidupan golongan ini akan terus terbiar dalam kerosakan dan jauh daripada masyarakat serta penjagaan kesihatan. Sedangkan, mereka mempunyai hak terhadap fasiliti dan khidmat kesihatan. Akhirnya, golongan komuniti ini akan terus berkembang sambil menyebarkan jangkitan HIV. Dalam hal ini masyarakat perlu sentiasa memberi suntikan semangat dan

Oleh : Rosidah Haji Ismail

Foto : Jabatan Penerangan

sokongan agar mereka lebih berkeyakinan untuk menjalani kehidupan biasa di sebalik jangkitan HIV. Kita tidak seharusnya menghukum mana-mana golongan yang melakukan kesalahan (bahkan bukan semua daripada mereka bersalah). Sebaliknya, tangan perlu dihulurkan untuk membantu mengeluarkan mereka dari keadaan tersebut. Oleh itu, semua pihak perlu berganding bahu dan berfikiran positif dalam menangani masalah penyakit AIDS ini.

Bagaimana Membantu Golongan Ini?

Bagi membantu mereka, pesakit AIDS perlu mengatasi stigma dan diskriminasi melalui pendidikan yang sesuai. Pendidikan agama sangat penting untuk membentuk mereka dalam menjalani kehidupan agar tidak terpesong dan jauh dari landasan agama. Hubungan kekeluargaan dan persaudaraan juga perlu diperkuuhkan dalam sama-sama memberi sokongan moral kepada mereka. Kerana jika ahli keluarga sendiri tidak mempedulikan mereka sudah tentu semangat mereka untuk menghadapi penyakit ini juga akan lemah.

Alhamdulillah, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan telah membuat pelbagai inisiatif supaya seluruh rakyat dan penduduk di negara ini mendapat kemudahan perubatan dengan menyediakan akses kepada semua perkhidmatan kesihatan dan ini termasuk bagi mereka yang mengidap AIDS. Meningkatkan ketersediaan ujian HIV di hospital dan juga di klinik-klinik juga telah dibuat untuk memudahkan bagi individu yang ingin membuat pemeriksaan kesihatan mereka.

Hargai kesihatan awda dengan mengamalkan kehidupan sihat. Jangkitan HIV dapat dielakkan jika kita semua sedar akibat penyakit ini kerana kecuaian seseorang boleh menyebabkan insan lain yang tidak berdosa juga terkena jangkitan ini.

Warisan

Kenali budaya dan tradisi masyarakat kita

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman dengan kerjasama
Jabatan Muzium-Muzium Brunei
Foto : Jabatan Muzium-Muzium Brunei



Main Talang Gatah seakan dilupakan

NEGARA Brunei Darussalam kaya dengan pelbagai kebudayaan daripada setiap puak yang ada di negara ini. Setentunya kepelbagaiannya permainan tradisi juga mencorak permainan yang ada. Walau bagaimanapun, kebanyakan permainan tradisi kini hanya menjadi kenangan berikutan kemunculan *gadjet* yang menjadi kegilaan masa kini. Salah satunya adalah Permainan Talang Gatah.

Permainan Talang Gatah boleh dimainkan sama ada di dalam atau luar rumah kerana tidak menggunakan ruang yang besar. Peralatan yang digunakan adalah gelang getah yang senang diperoleh di kedai-kedai runcit.

Jumlah pemain pula sekurang-kurangnya dua orang pemain (keramaian pemain tertakluk kepada persetujuan antara pemain).

Manakala cara bermain adalah sangat mudah iaitu pemain dikehendaki untuk berdiri pada jarak yang telah ditandakan dan melemparkan gelang getah ke sasaran yang telah disediakan (petak segi empat).

Setiap pemain mempunyai satu giliran bagi setiap lontaran sahaja. Permainan akan tamat bila seorang pemain berjaya menindih gelang getah (walaupun hanya satu) dan mengambil semua gelang getah yang dilemparkan oleh pemain-pemain sebelum itu.

Permainan baharu boleh diteruskan

sehingga tidak ada lagi pemain yang dapat meneruskan disebabkan kehabisan gelang getah.

Adapun cara-cara bermain ialah peralatan yang digunakan adalah gelang getah dan petak segi empat sama. Kedua-dua pemain diberikan jumlah gelang getah yang sama. Cara melontar adalah dengan bongkokkan badan sedikit dan gelang getah diletakkan atas tapak tangan dan gaya tangan ditujukan ke sasaran dan dilontar.

Pemain yang menang undi menjadi pemain pertama memulakan permainan. Permainan dimainkan secara bergilir-gilir di antara pemain pertama dan kedua. Pemain yang berjaya menindihkan gelang getah yang ada dalam petak adalah dikira sebagai pemenang dan semua getah akan jadi milik pemain tersebut.



Penutupan sementara Persimpangan Lampu Isyarat

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 November. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai, terutama kepada para pengguna jalan raya

mengenai penutupan sementara Persimpangan Lampu Isyarat (Jalan Muara / Jalan Kota Batu), Kampung Salar, bermula pada Khamis, 3 Disember 2020 hingga Sabtu, 2 Januari 2021.

Penutupan persimpangan ini



Mereka bekerja tanpa mengenal penat lelah untuk memastikan awda selamat

HUBUNGI TALIAN NASIHAT KESIHATAN 148
WWW.MOH.GOV.BN

adalah sangat diperlukan bagi JKR melaksanakan kerja-kerja menaik taraf persimpangan berkenaan, di mana ia adalah salah satu kawasan yang sering dilanda banjir kilat ketika kejadian hujan lebat.

Kerja-kerja tersebut dijangka memakan masa lebih kurang satu bulan, termasuk menaik taraf sistem saliran, iaitu pemasangan kalbat baharu dan menaikkan paras jalan raya yang sedia ada.

Sehubungan itu, Jabatan Kerja Raya akan menyediakan jalan alternatif (lencongan) yang melalui jalan di Kawasan Perindustrian Salar bagi kemudahan para pengguna jalan raya semasa penutupan persimpangan yang dimaksudkan.

JKR ingin mengingatkan kepada para pengguna jalan raya untuk sentiasa berhati-hati apabila melalui kawasan tersebut, di samping mematuhi tanda-tanda lalu lintas dan mematuhi had laju yang dibenarkan demi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini.

Sebarang aduan, orang ramai bolehlah menghubungi pihak jabatan ini menerusi Talian Darussalam : 123 atau Livechat +673 8333123 atau Facebook : Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam atau e-mel ke pro@pwd.gov.bn.

PENUTUPAN sementara
Persimpangan Lampu Isyarat (Jalan Muara / Jalan Kota Batu), Kampung Salar, bermula pada Khamis, 3 Disember 2020 hingga Sabtu, 2 Januari 2021.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kerja Raya



Tip KESIHATAN

GERD (GASTRO ESOPHAGEAL REFLUX DISEASE)

GELISAH, tekak rasa penuh dan sukar nak menelan. Perut pula rasa panas. Sentiasa sendawa dan angin. Makan apa pun tidak hilangkan gejala ini.

Ini adalah gejala biasa gerd (reflux asid perut). Mereka yang badan berisi atau mengandung sering terkena gejala ini, tidak terkecuali mereka yang suka makan lewat malam.

Makanan pencetus gerd

1. Kopi.
2. Tomato.
3. Buah dan jus buah sitrus (limau).
4. Bawang merah.
5. Pudina.
6. Makanan pedas.
7. Minuman berkarbonat.
8. Makanan bergoreng.

Yang terbiasa, ubat gastrik reflux memang ada di dalam peti ais. Namun ada juga yang tidak menyediakan stok sendiri.

Nak pergi beli ubat gastrik pula kedai jauh dan dah tutup malam-malam. Macam mana nak cegah dan atasinya? Ubahlah diet awda.

Tanda dan gejala gerd

1. Pedih hulu hati.
2. Kerap sendawa.
3. Kerap buang angin.
4. Muntah-muntah.
5. Masalah untuk menelan.
6. Batuk yang kronik.

Tip kesihatan kali ini menyenaraikan beberapa makanan yang membantu dalam mengatasi masalah gerd awda. Jadikan tip ini sebagai rutin dalam makanan awda selepas ini.

1. Dada ayam, jika boleh panggang.
2. Air putih – air gula tidak bagus untuk gerd.
3. Teh halia – minum kopi dan teh lain banyak caffeine. Tidak bagus untuk gerd.
4. Tembakai – buah yang kurang berasid.
5. Nasi perang – nasi yang lebih lama untuk dicerna. Bagus untuk gerd.
6. Oat – sarapan yang bagus.
7. Kentang – panggang atau bakar. Jangan goreng dengan bawang, boleh menyebabkan lagi teruk gastrik.
8. Minyak zaitun - Makanan berminyak akan buat gerd semakin teruk. Tapi kalau nak yang lebih lembut, cuba masak menggunakan minyak zaitun.
9. Sayur salad, sangat baik dan kurang angin.
10. Sayur adas, boleh melegakan sakit gerd sebab kurang berasid.

Semoga apa yang disenaraikan ini dapat membantu awda dalam menangani masalah gerd. Namun jika ianya masih tidak membantu, awda mungkin memerlukan bantuan daripada doktor.



Jepun benarkan warga asing terkandas bekerja sambilan

TOKYO, 1 Dis. - Agensi Perkhidmatan Imigresen Jepun akan membenarkan warga asing tanpa visa pekerja untuk mendapatkan pekerjaan sambilan jika menghadapi kesukaran kembali ke negara asal disebabkan pandemik COVID-19, menurut agensi berita Jepun, Jiji Press.

Agensi itu akan mula menerima permohonan pada Selasa di pusat

imigresen di seluruh negara. Warga asing dibenarkan bekerja sambilan hingga 28 jam seminggu sekiranya memenuhi syarat-syarat ditetapkan, seperti gagal mendapatkan penerbangan pulang ke negara asal dan sokongan kewangan yang tidak mencukupi daripada keluarga.

Keutamaan diberi kepada pelawat jangka pendek, termasuk

dengan tujuan melancong, urusan perniagaan atau mengunjungi saudara dan warga asing mempunyai visa khas, yang tidak

dibenarkan menamatkan kursus latihan teknikal.

Menurut agensi itu, setakat Rabu

terdapat kira-kira 16,000 pelawat dengan visa jangka pendek dan sekitar 5,000 dengan visa khas. - ©BERNAMA

Pengurus syarikat didakwa miliki 22 senjata Paintball menyerupai senjata tiruan

MELAKA, 1 Dis. - Seorang pengurus syarikat Paintball mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini hari ini atas pertuduhan memiliki 22 laras senjata Paintball yang menyerupai senjata tiruan, September lepas.

Idilhan Ibrahim, 49, didakwa memiliki barang tersebut di Pusat Equestrian Hang Jebat, Jalan Equestrian, Kompleks Sukan Hang Jebat di sini, pada 9.20 pagi, 12 Sept lepas. Bapa kepada tiga anak itu dituduh mengikut Seksyen 36(1) Akta Senjata 1960 yang membawa hukuman penjara maksimum setahun atau denda yang boleh sampai RM5,000 atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Anis Nazri mencadangkan tertuduh dikenakan jaminan RM6,000 dengan seorang penjamin. Namun, peguam Mawar Nur Izatti Md Zamri yang mewakili Idilhan memohon jaminan tersebut dikurangkan atas alasan anak guamnya kini hilang pekerjaan dan perlu menanggung keluarga termasuk ibunya yang uzur.

Majistret Muhammad Nazrin Ali Rahim membenarkan Idilhan diikat jamin RM2,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 5 Jan untuk sebutan semula kes serta serahan dokumen. - ©BERNAMA

Korea Selatan bantah tuntutan China terhadap standard industri kimchi

SEOUL, 30 Nov. - Kimchi tidak sekadar kubis yang dijeruk, tetapi memainkan peranan penting dalam budaya makanan Korea, dan proses penghasilannya menerima pengiktirafan piawaian global selama hampir dua dekad, lapor Agensi Berita Yonhap memetik Kementerian Pertanian Seoul.

Kementerian Pertanian, Makanan dan Hal Ehwal Luar Bandar membuat kenyataan itu sebagai membantah dakwaan media China, bahawa Beijing telah memenangi perakuan dari Pertubuhan Piawaian Antarabangsa (ISO) untuk proses pembuatan kimchinya.

Kementerian itu mengatakan Beijing memenangi sijil ISO untuk pao cai, sejenis sayur acar lain yang merupakan antara juadah di China, ia "tiada kaitan dengan kimchi."

"Kita perlu faham pao cai berbeza dengan kimchi," kata kementerian itu.

China memulakan proses piawaian pao chai pada 2019, dan lima anggota ISO - China, Turki, India, Iran dan Serbia - minggu lalu meluluskannya menurut dokumen ISO, yang turut dilaporan menyebut "Dokumen ini tidak tertakluk untuk kimchi."

Kementerian itu mengatakan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), sebuah badan di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), secara rasmi mengakui standard industri untuk kimchi pada 2001, yang menyatakan ramuan, pelabelan makanan tambahan dan nama produk berkenaan.

Tuntutan China mahu menjadikan standard antarabangsa untuk kimchi mencetuskan reaksi hangat dalam kalangan media media tempatan, kerana ramai menganggap kimchi makanan utama Korea dan sering dikaitkan dengan identiti negara.

Seluruh proses pembuatan kimchi, yang disebut "kimjang" - mencuci dan mengasinkan sayur-sayuran, menumisnya dengan bawang putih, lada merah dan ikan masin, dan menyimpannya di dalam balang tanah liat - telah diumumkan sebagai Warisan Kemanusiaan Tidak Ketara UNESCO pada 2013. - ©BERNAMA

Penebangan hutan di Amazon cecah 11,000 km persegi

SAO PAULO, 1 Dis. - Berikutan pelonggaran undang-undang alam sekitar di bawah Presiden Brazil Jair Bolsonaro, penebangan di hutan hujan Amazon kini sudah melebihi 11,000 kilometer (km) persegi, lapor Agensi Anadolu.

Menurut data rasmi dikeluarkan pada Isnin, penebangan hutan mencapai tahap terburuk sejak 2008, ketika program pemantauan dikenali PRODES mencatatkan seluas 12,911 km persegi kawasan telah ditebang.

PRODES memantau penebangan hutan di Legal Amazon menerusi satelit, merangkumi wilayah barat negeri Maranhão dan seluruh wilayah Acre, Amapá, Amazonas, Mato Grosso, Pará, Rondônia,

Roraima dan Tocantins, dan menerbitkan laporan tahunan sejak 1988.

Menurut angka rasmi Institut Penyelidikan Angkasa Negara (Inpe), kawasan penebangan hutan di Amazon adalah 11,088 km persegi antara Ogos 2019 dan Julai 2020, meningkat 9.5 peratus berbanding tempoh sebelumnya (Ogos 2018 hingga Julai 2019), iaitu 10,129 km persegi.

Pengukuran dibuat dengan membandingkan gambar satelit dari akhir Julai dengan awal Ogos tahun sebelumnya. Data hari ini menunjukkan pentadbiran Bolsonaro dan Menteri Alam Sekitar Ricardo Salles gagal memenuhi rancangan yang diumumkan pada 2019.

Tanpa menyatakan sasarnya, Salles ketika itu berkata mahu menghapuskan aktiviti penebangan hutan haram tanpa memberikan butiran lanjut.

Pada Isnin, wakil presiden Hamilton Mourao, yang mengetuai Majlis Amazon, berkata kehadiran tentera untuk memerangi aktiviti penebangan hutan sudah agak 'terlewati'. Bagaimanapun, ia serba sedikit turut memberi kesan, apabila dianggarkan hanya 20 peratus pertambahan kawasan penebangan hutan.

"Ia bukanlah pencapaian yang boleh diraikan. Sebaliknya, kami mahu melihat tiada langsung penebangan hutan secara haram dalam apa keadaan sekalipun," kata Mourao. - ©BERNAMA

Hampir 30 NGO gesa sekat AS jual senjata besar-besaran kepada UAE

WASHINGTON, 1 Dis. - Gabungan pertubuhan kawan-senjata dan kumpulan hak asasi manusia antarabangsa memberi amaran kepada Amerika Syarikat (AS), penjualan senjata kepada Emiriah Arab Bersatu (UAE) berjumlah US\$23 bilion sistem senjata dan peluru terkini kepada UAE. Penjualan kepada UAE, pihak yang terbabit dalam konflik di Yaman dan Libya, akan mendorong bahaya awam yang berpanjangan dan memburukkan lagi krisis kemanusiaan ini," kata NGO itu dalam surat bantahan mereka.

Pada Isnin, Jawatankuasa Senat Perhubungan Luar Negeri mengadakan pertemuan tertutup dengan pegawai tinggi Jabatan Negara dan Pentagon berhubung pentadbiran Donald Trump yang meluruskkan lagi konflik di Yaman dan Libya, lapor Agensi Berita Sputnik.

"Kami pertubuhan bukan

kerajaan (NGO) menentang rancangan kerajaan AS untuk menjual lebih US\$23 bilion sistem senjata dan peluru terkini kepada UAE. Penjualan kepada UAE, pihak yang terbabit dalam konflik di Yaman dan Libya, akan

mendorong bahaya awam yang berpanjangan dan memburukkan lagi krisis kemanusiaan ini," kata NGO itu dalam surat bantahan mereka.

Kumpulan tersebut meminta pentadbiran Trump dan bakal Presiden Joe Biden menghentikan

penjualan ini serta sokongan AS ke atas perang di Yaman. Di samping itu, mereka mendesak Kongres agar tidak meluluskan penjualan senjata pada masa depan atau sokongan ketenteraan lain kepada pihak-pihak yang terlibat dalam konflik di Yaman dan Libya.

Surat berkenaan ditandatangani 29 kumpulan termasuk Persatuan Kawalan Senjata, Hak Asasi Manusia Pertama, dan Pusat Dasar Antarabangsa, yang mengesahkan penjualan senjata. Inisiatif ini diketuai oleh Projek Demokrasi Timur Tengah (POMED), sebuah kumpulan penyokong yang mempunyai pejabat di Washington dan Tunisia. - ©BERNAMA

Mayat kanak-kanak perempuan OKU jatuh sungai ditemukan

ALOR SETAR, 1 Dis. - Mayat kanak-kanak perempuan Orang Kurang Upaya (OKU) yang dikhuatiri lemas selepas terjatuh ke dalam Sungai Sedim di Kampung Bikan Atas Labu Besar, dekat Kulim petang semalam, ditemukan lagi.

Ketua Polis Daerah Kulim Supt Azhar Hashim berkata mayat Irdina Aleesya Zamri, 8, dijumpai anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang melakukan pencarian pada pukul 7.50 pagi, kira-kira satu kilometer dari lokasi kejadian.

"Dalam kejadian kira-kira 6.00 petang semalam, ibu mangsa menyedari mangsa tiada di rumah sebelum keluar mencari mangsa

bersama beberapa ahli keluarga yang lain di sekitar kawasan rumah sehingga ke Sungai Sedim yang terletak kurang 100 meter dari rumah mereka.

"Ibu mangsa telah menjumpai seliar dan tuala milik mangsa di kawasan tebing sungai berkenaan dan mengesyaki anaknya telah jatuh ke dalam sungai. Polis menerima laporan kejadian pada jam 6.40 petang," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Azhar berkata mayat mangsa dibawa ke Hospital Kulim untuk bedah siasat.

"Saya ingin mengingatkan ibu bapa supaya mengawasi anak-anak terutamanya ketika musim hujan ini dan menjauhi kawasan sungai

memandangkan paras air naik akibat hujan lebat," katanya.

Sementara itu, Penolong Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kedah, Pengguna Kanan Bomba I Mohamadul Ehsan Mohd Zain berkata operasi mencari mangsa di lokasi dilakukan sebaik menerima panggilan mengenai kejadian itu.

"Operasi mencari mangsa di permukaan air di kawasan tebing sungai telah dijalankan sehingga jam 1.00 pagi sebelum ia ditangguhkan. Operasi yang dijalankan semula pagi ini, menjumpai mayat mangsa," katanya. - ©BERNAMA

Biden lantik Jen Psaki sebagai Setiausaha Akhbar, umum semua wanita dalam pasukan komunikasi



WASHINGTON, 30 Nov. - Joe Biden berhasrat melantik bekas jurucakap Jabatan Negara Obama, Jen Psaki, sebagai setiausaha akhbar Rumah Putih, lapor agensi berita Sputnik, memetik pengumuman pasukan peralihan Biden.

Pada Ahad, pasukan Biden mengumumkan anggota baharu kakitangan Rumah Putih sebagai pegawai kanan komunikasi.

"Saya hari ini berbesar hati mengumumkan pasukan pertama komunikasi Rumah Putih yang terdiri pegawai kanan, kesemuanya wanita. Kelayakan dan pengalaman mereka akan menyumbang kepada usaha membangun negara ini dengan lebih baik," kata Biden pada Ahad.

Pasukan komunikasi Biden

bakal diterajui Kate Bedingfield, pegawai yang telah lama bertugas sebagai pengarah komunikasi kempennya dan kini akan menjadi Pengarah Komunikasi Rumah Putih. Biden juga menamakan Jen Psaki sebagai Setiausaha Akhbar Rumah Putihnya pada Ahad.

"Berasa bangga untuk berkhidmat lagi dengan @JoeBiden, seorang lelaki yang saya pernah bekerja semasa Pentadbiran Obama-Biden kerana beliau membantu memimpin pemuliharan ekonomi, membina semula hubungan kami dengan rakan kongsi (ternyata merupakan amalan yang baik) dan menyuntik rasa empati dan kemanusiaan hampir dalam setiap pertemuan yang saya terlibat," tulis Psaki di Twitter pada Ahad.

Pasukan peralihan Biden juga menamakan Symone Sanders sebagai jurucakap Kamala Harris, Ashley Etienne (Pengarah Komunikasi Harris), Karine Jean-Pierre (Timbalan Setiausaha Akhbar), Pili Tobar (Timbalan Pengarah Komunikasi Rumah Putih), dan Elizabeth E. Alexander (Pengarah Komunikasi untuk Wanita Pertama).

Media utama Ameriks Syarikat (AS) mengunjurkan calon Demokrat Joe Biden sebagai pemenang pilihan raya presiden 3 November lalu. Keputusan rasmi belum diumumkan.

Presiden Donald Trump mengatakan beliau akan meninggalkan Rumah Putih sekiranya undi elektoral memihak kepada Biden. Trump berulang kali menyatakan kemenangannya

dalam pilihan raya presiden November dirampas melalui penipuan besar-besaran.

Awal bulan ini, Trump memberi kuasa kepada Pentadbiran

Perkhidmatan Awam untuk memulakan peralihan rasmi kepada pasukan Biden sambil terus mempertikaikan keputusan pilihan raya. - ©BERNAMA

Kabinet Iran lulus rang undang-undang peringkat aktiviti nuklear

TEHRAN, 30 Nov. - Parlimen Iran meluluskan rang undang-undang, yang disebut-sebut sebagai "langkah strategik untuk menghapuskan sekatan," bertujuan menghidupkan kembali aktiviti nuklear negara itu setelah pembunuhan ahli fizik nuklear Tehran Mohsen Fakhrizadeh, umum jurucakap jawatankuasa parlimen Abolfazl Amouei.

Saintis berkenaan, yang juga Ketua Pusat Inovasi Kementerian Pertahanan Iran, maut selepas diserang lelaki bersenjata di bandar Absard di wilayah Tehran pada Jumaat, lapor agensi berita Sputnik memetik Tehran Times.

Jawatankuasa Keselamatan Nasional dan Dasar Luar Parlimen Iran membincangkan rang undang-undang "langkah strategik untuk menghapuskan sekatan" pada Ahad, meluluskan tiga perkara.

"Agenda utama adalah membincangkan perkara 'Pelan Tindakan Strategik untuk menghapuskan sekatan'. Pertemuan hari ini, tiga perkara mengenai rancangan ini dibahaskan semula dan mendapat kelulusan perwakilan dan pindaan telah dibuat pada klausu itu. Perwakilan dari Kementerian Luar Negeri, Bank Pusat dan Pusat Penyelidikan Parlimen juga menghadiri mesyuarat itu," kata Abolfazl Amouei.

Menurut Amouei, tiga perkara yang dibincangkan termasuk langkah-langkah, andai ia diluluskan, akan meningkatkan aktiviti nuklear Iran secara signifikan.

Rang undang-undang itu bermaksud meningkatkan tahap pengayaan uranium hingga 20 peratus atau lebih - uranium sejumlah itu dianggap sebagai senjata kelas 'A'. Pada masa ini, Iran memperkaya uranium lebih daripada empat peratus, manakala Pelan Tindakan Komprehensif Bersama (JCPOA) hanya membenarkan pada tahap 3.67 peratus.

Ia juga termasuk pemuliharan reaktor nuklear Arak, yang dirancang dibangunkan semula untuk produksi radioisotop sehingga tidak menghasilkan plutonium kelas senjata di bawah JCPOA, dan pembangunan reaktor lain. Peruntukan undang-undang lain mewajibkan Tehran untuk mengabaikan pematuhan secara sukarela dengan Protokol Tambahan kepada perjanjian perlindungan dengan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA).

Anggota kabinet meluluskan rang undang-undang itu menerusi undian 232 berbalas 14. - ©BERNAMA

Arab Saudi sambut baik pelantikan Hussein Ibrahim Taha sebagai Setiausaha Agung OIC

NIAMYE, 30 Nov. - Arab Saudi menyambut baik pelantikan Hussein Ibrahim Taha dari Chad sebagai Setiausaha Agung Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) yang baharu, lapor Agensi Berita Arab Saudi (SPA) berdasarkan kenyataan Menteri Luar Arab Saudi.

Menteri Luar Putera Faisal bin Farhan bin Abdullah, mengucapkan selamat maju jaya kepada Hussein Ibrahim Taha untuk tugas baharu yang bakal digalasnya mulai November 2021.

"Kerajaan Arab Saudi menyambut baik pelantikan Taha, sekali gus memenuhi komitmen negara ini terhadap Kumpulan Afrika dan sesuai dengan piagam pertubuhan mengenai pemilihan Setiausaha Agung, yang mencerminkan peluang sama rata antara negara anggota. Arab Saudi menyuarakan sokongan penuh kepada Setiausaha Agung baharu berikutan peranan aktifnya dalam meletakkan kepentingan Islam di seluruh dunia," kata Putera Faisal dalam kenyataan itu.

Beliau juga menzahirkan terima kasih kepada Setiausaha Agung OIC, Yousef Al-Othaimeen, atas usaha dan sumbangan besar sepanjang berkhidmat dengan pertubuhan dunia itu.

OIC, dengan keanggotaan 57 negara di empat benua, ditubuhkan pada 1969 dengan tujuan menjaga dan melindungi kepentingan dunia Islam dengan semangat untuk mempromosikan keamanan dan keharmonian antarabangsa dalam kalangan masyarakat dunia. - ©BERNAMA

Doktor peribadi Maradona disiasat kemungkinan membunu

BOGOTA, 30 Nov. - Doktor peribadi Diego Maradona sedang disiasat kemungkinan melakukan pembunuhan secara tidak sengaja susulan kematian legenda bola sepak itu, lapor Agensi Anadolu, memetik pendakwaraya Argentina pada Ahad.

Maradona meninggal dunia akibat serangan jantung pada Rabu di rumahnya di pinggir bandar, Buenos Aires.

Polis menyerbu rumah dan klinik Leopoldo Luque pada Ahad pagi untuk menyiasat sama ada terdapat kecuaian dalam rawatan perubatan Maradona, menurut beberapa media tempatan.

Luke menafikan melakukan sebarang kesalahan.

"Tiada kesalahan perubatan di pihak sesiapa pun. Diego mengalami serangan jantung.

Kematian pesakit dalam keadaan seperti itu sering berlaku di dunia. Segala yang mungkin telah dilakukan untuk mencegah kejadian itu," kata Luque di sidang media di rumahnya.

Maradona telah menjalani pembedahan untuk membuat darah buku di otak pada awal November. Luque telah membenarkannya pulang lapan hari kemudian. Doktor berkenaan berkata beliau telah melakukan "semua yang termampu, hingga yang mustahil."

"Mereka mengambil sejarah perubatannya dan ujian yang saya lakukan. Peranti elektronik. Pemacu keras yang telah 20 tahun saya miliki. Semua telefon. Sebenarnya saya terkejut, kerana ketika Diego meninggal dunia, saya sudah berada

di sana dan pejabat pendakwa telah memulakan siasatan. Mereka tidak memanggil saya terlebih dahulu untuk mendapatkan keterangan. Saya fikir ini bukan caranya," katanya.

Serbuan itu berlaku selepas keluarga Maradona dilaporkan memberitahu penyiasat terdapat perselisihan antara Maradona dan doktor peribadinya. Luque berkata situasi sedemikian adalah biasa.

"Apa yang saya jelaskan kepada Diego adalah sukar. Berkali-kali dia bantah apa yang saya katakan. Kemudian dia akan hubungi saya semula."

Siasatan dibuat selepas anak perempuan Maradona, Dalma dan Giannina mempersoalkan ubat yang diberikan kepada ayah mereka. - ©BERNAMA

CAEXPO perkasa kerjasama Kebudayaan China - ASEAN

BEIJING, 30 Nov. - Sempena berlangsungnya Ekspo China-ASEAN (CAEXPO) di Nanning, Guangxi, China, turut diadakan Forum Kebudayaan China-ASEAN, Pameran Kebudayaan CAEXPO, Pameran Kartun, Animasi dan Permainan CAEXPO bertujuan mendorong pertukaran sosiobudaya antara China dengan negara ASEAN.

Sepanjang acara Minggu TV China-ASEAN kedua pula, sejumlah karya audio-visual dipilih sebagai program terbaik dan beberapa perjanjian kerjasama strategik dimeterai antara institusi media dengan syarikat kebudayaan China dan negara ASEAN.

Pada masa ini, bukan sahaja banyak karya filem dan televisyen China dipasarkan di negara

ASEAN, platform media baharu China juga telah menjadi penggerak baharu bagi penyebaran program dihasilkan anggota ASEAN.

Mekanisme dialog pertukaran kebudayaan pelbagai peringkat China-ASEAN juga sedang dilaksanakan.

"Kami sedang berusaha untuk mendorong penggabungan media, membina sistem pintar yang melibatkan perkembangan radio, filem dan televisyen selain meningkatkan keupayaan tadbir urus. Kami ingin berkongsi pengalaman perkembangan, dan hasil yang tercapai dengan ASEAN," ujar Naib Ketua Pengarah Jabatan Pentadbiran Am Radio dan Televisyen Negara (NRTA) China, Meng Dong.

Beberapa tahun kebelakangan ini, China berusaha memperkenalkan format baharu dalam sektor kebudayaan agar ruang kerjasama antara China dengan ASEAN dalam sektor ini dapat diperluaskan.

Kerjasama itu merangkumi kepelbagaiannya pertunjukan kesenian tradisional termasuk, penghasilan karya filem dan televisyen, penerbitan majalah berkala, kartun, animasi dan permainan selain pameran kebudayaan serta aktiviti arkeologi.

Ia juga termasuk permohonan status Warisan Dunia UNESCO sehingga kedua-dua pihak dapat mencari ilham daripada tamadun masing-masing dan meningkatkan persefahaman antara satu sama lain. - ©BERNAMA

Sukan

Datuk K. Rajagopal - Ketua Jurulatih baharu

BERAKAS, Isnin, 30 November. - Komiti Eksekutif Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) membuat keputusan untuk melantik Datuk K. Rajagopal dari Malaysia sebagai Ketua Jurulatih Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bagi tempoh dua tahun.

Presiden NFABD, Pengiran Haji Matusin bin Pengiran Haji Matasan mengumumkan perkara itu, pada Sidang Media, yang berlangsung di Rumah NFABD, di sini.

Beliau berkata, keputusan tersebut dibuat selepas beberapa minggu membuat penilaian ke atas permohonan-permohonan untuk jawatan Ketua Jurulatih berkenaan.

"Keputusan ini bukanlah suatu yang mudah. Keputusan ini diambil dengan permuzakarahan yang berlangsung beberapa siri dan juga mengambil kira beberapa aspek, terutama sekali aspek teknikal dan memberi pertimbangan yang berat kepada aspek kewangan," jelas

beliau.

Bagaimanapun tambahnya, permohonan jawatan tersebut juga diterima daripada pelbagai negara, termasuk Jerman, Serbia dan beberapa pemohon dari rantau ini.

Beliau berkata, NFABD dan peminat-peminat bola sepak Negara Brunei Darussalam berharap Datuk K. Rajagopal akan dapat membawa pasukan bola sepak negara ke tahap yang lebih baik.

Walaupun NFABD dan warga bola sepak negara berharap agar pasukan kebangsaan akan menjadi pasukan yang digeruni, katanya, ia bukanlah suatu perkara yang mudah.

"Perkara ini mengambil masa dan kita harap dengan kehadiran Datuk K. Rajagopal, beliau akan dapat membimbangi para pemain untuk bersaing di kejohanan-kejohanan yang akan kita hadapi tidak lama lagi, terutamanya pusingan kelayakan AFF Suzuki Cup dan Kejohanan Sukan SEA, pada penghujung tahun 2021," ujar beliau.

Jelasnya lagi, dengan tunjuk ajar daripada beliau dan kesungguhan para

INFO SUKAN

PINGPONG (tenis meja) merupakan sejenis sukan yang popular, di mana para pemain akan memukul bola berulang alik di atas meja yang mempunyai jaring di tengahnya dan menggunakan pemukul. Pada kelazimannya permainan ini dimainkan secara perseorangan atau beregu.



ePaper Pelita Brunei

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

pemain juga pegawai NFABD, diharap (prestasi) pasukan bola sepak negara akan dapat meningkat dari semasa ke semasa.

Dalam pada itu, bagi menjawab soalan yang diutarakan pihak media, Presiden NFABD menerangkan, bahawa Datuk K. Rajagopal pernah menjadi Jurulatih Pasukan Bola Sepak Malaysia yang berjaya menjuarai kejohanan AFF Suzuki Cup dan meraih pingat emas pada Kejohanan Sukan SEA.

"Jadi kelayakan (*credential*) ini mendorong NFABD untuk memberi pertimbangan yang tinggi kepada pencapaian beliau," terangnya.

Beliau turut menjelaskan, lantikan tersebut juga mengambil kira keadaan semasa, terutama kemampuan beliau untuk berkomunikasi secara langsung dengan para pemain supaya apa jua tunjuk ajarnya akan dapat diserap dengan mudah oleh para pemain.



PRESIDEN NFABD, Pengiran Haji Matusin bin Pengiran Haji Matasan semasa Sidang Media berkenaan.

Muay Thai kian diminati ramai



RIMBA, Selasa, 1 Disember. - Kick Boxing Muay Thai dihasrat akan dapat menarik minat masyarakat untuk terus mempelajari cara-cara dan teknik-teknik seni mempertahankan diri atau seni bela diri dengan cara yang betul.

Sukan Muay Thai dianggap sangat mencabar kerana ia memerlukan kekuatan dan ketahanan tenaga dari segi fizikal dan mental.

Muay Thai berasal dari Thailand merupakan sukan tinju yang dipertandingkan secara individu atau campuran dalam perlawanan yang dikelolakan di bawah peraturan Muay Thai di seluruh dunia.

Di Negara Brunei Darussalam, Kick Boxing Muay Thai bukan sahaja digemari atau diminati oleh golongan lelaki dewasa, malahan golongan wanita dewasa juga orang-orang muda.

Ternyata, sukan ini mendorong dan menarik perhatian salah seorang penggemar tinju negara yang pernah menyertai beberapa pertandingan Muay Thai, sama ada di dalam maupun luar negara.

Sehubungan itu, Pelita Brunei berpeluang menemu bual pemilik Chainblock, Awang Shahrin bin Haji Kasim semasa tinjauan bersama beliau di Kampung Rimba, baru-baru ini.

Beliau yang merupakan jurulatih bagi kick boxing itu berkata, penglibatan aktif dalam sukan tersebut bermula sejak dari bangku sekolah rendah, di mana minat dalam bidang sukan ini adalah atas dorongan ayah beliau yang merupakan seorang bekas tinju negara pada era tahun 50-an.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

"Sejak berumur lapan tahun, saya diajar sedikit sebanyak teknik tinju dan di sanalah timbul minat dalam bidang sukan seni mempertahankan diri termasuk boxing, silat, Tae kwan do, kick boxing dan Muay Thai," tambahnya lagi.

Disebabkan minat yang mendalam dalam sukan ini, membuatkan beliau membuka tempat latihan bagi boxing atau Muay Thai khusus bagi orang ramai yang ingin mencebur dan mencuba sukan tersebut.

Menurut beliau lagi, hasrat dan perancangan akan datang ialah untuk meneruskan sukan itu agar lebih banyak

penyertaan dan meminatinya bukan sahaja dari golongan belia bahkan untuk semua lapisan masyarakat dalam pelbagai peringkat umur.

Menyentuh tentang Chainblock, setakat ini, ujarnya ia telah menerima hampir 1,000 pelajar dalam kalangan masyarakat tempatan dan orang asing sejak penubuhannya pada tahun 2008 dan Chainblock Muay Thai bermula tahun 2015, di mana para pelajarnya mengikuti latihan atas Kick Boxing Muay Thai ataupun boxing.

Dalam latihan ini, beliau turut

PEMILIK Chainblock, Awang Shahrin bin Haji Kasim bersama para pelatih semasa sesi bergambar ramai.

menyarankan agar para pelajarnya sentiasa mendisiplinkan diri dan sentiasa bergerak aktif dan hormat-menghormati sesama yang lain.

Muay Thai, terangnya adalah seni bela diri yang menggunakan teknik tumbukan, tendangan kaki serta siku dan lutut, sekali gus untuk mempertahankan diri (*self defence*).

Melalui sukan ini juga, jelasnya, akan mencungkil bakat-bakat baharu lebih-lebih lagi golongan belia yang betul-betul cenderung ke arah sukan tersebut untuk diketengahkan dalam perlawanan sama ada dalam mahupun luar negara.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

AL-QURAN PENYEMBUH PALING SEMPURNA BAGI SEMUA PENYAKIT

دربیتکن اوله جابت قرائعن، جابت فردان منtri دان چیتیق اوله فرینت قلس سندیرین برحد، نگارا برونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam